



LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

LEM/MAK/247 Tamb.1
17 November 2025

Untuk Kegunaan Rasmi Sahaja

**KRONOLOGI KEPUTUSAN LEMBAGA BAGI AKTIVITI PERLESENAN DAN
KAWALSELIA SYARIKAT LYNAS MALAYSIA SDN BHD**

Makluman daripada Setiausaha Eksekutif

TUJUAN

1. Kertas makluman ini disediakan untuk memaklumkan kepada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (Lembaga) berkenaan kronologi keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh Lembaga melibatkan aktiviti perlesenan dan kawalselia Syarikat Lynas Malaysia Sdn Bhd (Lynas).

LATAR BELAKANG

2. Lynas dengan nombor lesen LPTA/A/1333 telah memiliki kelas lesen A (Pengilangan Bahan Radioaktif), C, D, E dan G yang dikeluarkan di bawah Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) untuk tempoh sah bermula 03 Mac 2023 sehingga 02 Mac 2026. Di bawah lesen kelas A (Pengilangan Bahan Radioaktif), Lynas telah menggunakan pekatan lantanid (*lanthanide concentrates*, LC) sebagai bahan suapan (*feed material*) untuk diproses dan menghasilkan produk-produk berupa produk nadir bumi (*rare earth products*).

3. Lembaga pada Mesyuarat Lembaga Ke-117 (Bil.2/2025) telah meminta agar Jabatan Tenaga Atom (Atom Malaysia) menyediakan kronologi berkaitan keputusan-keputusan yang telah dibuat sebelum ini berkaitan dengan lesen syarikat Lynas untuk dijadikan rujukan anggota Lembaga.

PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

4. Atom Malaysia telah menyediakan kronologi keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh Lembaga melibatkan aktiviti perlesenan dan kawalseliaan operasi Lynas dan kronologi ini dibahagikan mengikut tajuk seperti berikut:

- 4.1. Isu-isu berkaitan pengimportan LC;
- 4.2. Isu-isu berkaitan *permanent disposal facility* (PDF);
- 4.3. Isu-isu berkaitan loji *cracking and leaching* (C&L) di Karlgorlie, Australia; dan
- 4.4. Isu-isu berkaitan *research and development* (R&D) yang dijalankan oleh Lynas.

5. Kronologi bagi isu 4.1 adalah seperti di dalam **Lampiran 1** dan kronologi bagi isu 4.2 sehingga 4.4 adalah seperti di dalam **Lampiran 2**. Pautan kepada dokumen kronologi ini berserta dokumen kronologi penuh operasi Lynas adalah seperti di dalam **Lampiran 3**.

SYOR

6. Adalah disyorkan untuk Lembaga mengambil maklum berkenaan kronologi keputusan-keputusan yang telah dibuat sebelum ini berkaitan dengan lesen syarikat Lynas.

Kronologi Lynas Malaysia Sdn. Bhd**Keputusan Lembaga Berkenaan Import Pekatan Lantanida**

TAHUN 2011	
22 Ogos 2011	Syarikat Lynas telah mengemukakan secara rasmi kepada Jabatan AELB permohonan untuk mendapatkan lesen kelas E bagi tujuan mengimport pekatan lantanida daripada Mount Weld, Australia. Borang LPTA/BP/6 telah dikemukakan kepada Jabatan AELB.
14 November 2011	Mesyuarat Lembaga Khas. Permohonan Syarikat Lynas (M) Sdn. Bhd bagi mendapatkan lesen Kelas A – Mengilang (Peringkat Pengendalian Sementara) telah dikemukakan kepada Lembaga untuk dipertimbangkan. <u>Keputusan Lembaga:</u> Lembaga Perlesenan Tenaga Atom telah bermesyuarat pada 14 November 2011 dan buat masa ini, pihak Lembaga telah bersetuju untuk menangguhkan pertimbangan ke atas permohonan Syarikat Lynas untuk Lesen Kelas A-Mengilang (Peringkat Pengendalian Sementara). Ia adalah berdasarkan dokumen-dokumen yang telah dikemukakan oleh Syarikat Lynas masih tidak lengkap dan perlu dibuat penambahbaikan. Walaubagaimanapun, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom bersedia untuk mempertimbangkan semula jika dokumen-dokumen yang diperlukan di pinda dan ditambahbaik serta memuaskan kehendak Jawatankuasa Panel Teknikal Bebas.
TAHUN 2012	
16 Januari 2012	Jabatan AELB telah menerima surat rasmi berkenaan dengan permohonan syarikat Lynas “Permohonan Kelulusan Untuk Menyimpan dan Menggunakan Kepekatan Lantanid di premis Lynas (M) Sdn. Bhd. Surat bertarikh 16 Januari 2012; rujukan; LMSB-SHE-16012012-AELB-30.[PART 1] <u>Nota:</u> Permohonan ini adalah untuk mendapatkan kelulusan AELB berkenaan dengan pembinaan kemudahan penstoran bahan mentah di dalam tapak kilang.
1127 Februari 2012	<u>Pembayaran fee lesen TOL, lesen Kelas E (import-pekatan lantanid) dan lesen Kelas G (Penstoran sebelum pelupusan)</u> Jabatan AELB telah menerima surat rasmi dan pembayaran fee lesen Kelas A-Mengilang (Peringkat Pengendalian Sementara), Kelas E (import-pekatan Lantanid) dan Kelas G (Penstoran Sebelum Pelupusan) daripada Lynas Malaysia Sdn. Bhd. Rujukan surat: LMSB-SHE-L-220212-AELB-32, bertarikh 22 Februari 2012. Jumlah fee lesen yang dibayar adalah RM 1, 117, 400.00. No resit pembayaran adalah: 07010012000396. <u>Nota:</u> • Surat bertarikh 22 Februari 2012 dan ditandatangani oleh Pengarah Urusan Syarikat Lynas Malaysia Sdn. Bhd. (Y. Bhg. Dato’ Mashal Ahmad-OBTL). • Tarikh cop terima Jabatan AELB: 27 Februari 2012
27 Februari 2012	<u>Letter of undertaking 1 -menguruskan kesemua kesemua residu</u>

	Jabatan AELB telah menerima surat rasmi atau <i>letter of undertaking</i> daripada Lynas Corp. Ltd. Australia berkenaan dengan persetujuan untuk bertanggungjawab untuk <u>menguruskan kesemua kesemua residu</u> yang bakal terhasil daripada pemprosesan pekatan lantanid di kilang Lynas Advanced Material Plant (LAMP), Gebeng Pahang. <u>Nota:</u> • Surat bertarikh 22 Februari 2012 dan ditandatangani oleh Executive Chairman Lynas Corp. Ltd (Mr. Nick Curtis). • Tarikh cop terima Jabatan AELB: 27 Feb 2012
01 Mac 2012	<u>Letter of undertaking 2 (Lynas Corp. Ltd. Australia) -memindahkan kesemua kesemua residu keluar daripada Kuantan, Pahang/Malaysia.</u> Jabatan AELB telah menerima surat rasmi atau <i>letter of undertaking</i> daripada Lynas Corp. Ltd. Australia berkenaan dengan persetujuan, sekiranya berkaitan (<i>if necessary</i>) untuk <u>memindahkan kesemua residu</u> yang bakal terhasil daripada pemprosesan pekatan lantanid di kilang Lynas Advanced Material Plant (LAMP), Gebeng Pahang <u>keluar dari Kuantan/Malaysia.</u> <u>Nota:</u> • Surat bertarikh 23 Februari 2012 dan ditandatangani oleh Executive Chairman Lynas Corp. Ltd (Mr. Nick Curtis). • Tarikh cop terima Jabatan AELB: 01 Mac 2012
01 Mac 2012	<u>Letter of undertaking 3 – TOL license & USD 50 Million Financial Guarantee</u> Jabatan AELB telah menerima surat rasmi atau <i>letter of undertaking</i> daripada Syarikat Lynas Malaysia Sdn. Bhd. mengenai <u>jaminan kewangan atau cagaran bagi lesen</u> Kelas A-Mengilang (Peringkat Pengendalian Sementara), Kelas E (import-pekatan Lantanid) dan Kelas G (Penstoran Sebelum Pelupusan <u>sebanyak USD 50 juta</u> (dalam tempoh 5 tahun yang akan dibayar secara ansuran). Rujukan surat: LMSB-SHE-L-010312-AELB-35, bertarikh 01 Mac 2012. Syarikat Lynas Malaysia Sdn. Bhd. juga memaklumkan bahawa pembayaran <u>ansuran pertama sebanyak USD 10 juta</u> akan dibuat dalam tempoh <u>12 bulan dari tarikh lesen dikeluarkan.</u> <u>Nota:</u> • Surat bertarikh 01 Mac 2012 dan ditandatangani oleh Pengarah Urusan Syarikat Lynas Malaysia Sdn. Bhd. (Y. Bhg. Dato' Mashal Ahmad-OBTL).
06 Mac 2012	<u>Letter of undertaking 2(Syarikat Lynas Malaysia Sdn. Bhd.) -memindahkan kesemua kesemua residu keluar daripada Kuantan, Pahang/Malaysia. (memulangkan kepada sumber asal)</u> Jabatan AELB telah menerima surat rasmi atau <i>letter of undertaking</i> daripada Syarikat Lynas Malaysia Sdn. Bhd. mengenai berkenaan dengan persetujuan, sekiranya perlu (<i>if necessary</i>) untuk <u>memulangkan kesemua residu kepada sumber asal</u> yang bakal terhasil daripada pemprosesan pekatan lantanid di kilang Lynas Advanced Material Plant (LAMP), Gebeng Pahang. <u>Nota:</u> • Surat bertarikh 06 Mac 2012 dan ditandatangani oleh Pengarah Urusan Syarikat Lynas Malaysia Sdn. Bhd. (Y. Bhg. Dato' Mashal Ahmad-OBTL).

30 Mac 2012	AELB mengeluarkan surat rasmi memaklumkan bahawa Jabatan ini tiada apa-apa halangan dan pihak Lynas perlu mematuhi beberapa syarat yang dikemukakan kepada pihak Lynas Malaysia berhubung dengan permohonan PEMBINAAN GUDANG untuk menstor bahan mentah pekatan lantanid.[rujukan AELB: LPTA(S):P&P/026/666.Klt.9(36)]. <u>Nota</u> (surat-surat permohonan Syarikat Lynas Malaysia bagi tujuan ini):- 1) Surat "Permohonan Kelulusan Untuk Menyimpan dan Menggunakan Kepekatan Lantanida di Premis Lynas Malaysia Sdn. Bhd" (rujukan: LMSB-SHE-L-16012012-AELB-30, tarikh surat: 16.01.2012, tarikh AELB terima: 16.01.2012) [PART 1]. 2) Surat "Permohonan untuk Kebenaran Menyimpan lanthanide Concentrate Di Kawasan Penyimpanan Lynas Malaysia Sdn. Bhd" (rujukan: LMSB-SHE-L-020212-AELB-32; tarikh surat: 02.02.2012, tarikh AELB terima: 08.02.2012) [PART 2].
30 Mei 2012	Jabatan AELB menerima surat daripada Syarikat Lynas (bertarikh 25 Mei 2012; rujukan: LMSB-SHE-L-25052012-AELB-49) berhubung dengan pemberitahuan aktiviti 'commissioning' sedang menjalankan (aktiviti percubaan) di kilang sebelum kilang mula beroperasi. Lynas turut memaklumkan bahawa semasa aktiviti ini dijalankan, alat Waste Gas Treatment System (WGTS) akan mengeluarkan asap putih dari cerobong dan dimaklumkan juga pelepasan ini tidak melibatkan pencemaran udara kerana TIADA sebarang bahan kimia digunakan semasa aktiviti ini dilaksanakan.
19 Jun 2012	Lynas Malaysia telahpun mengemukakan surat rasmi bertarikh 19 Jun 2012, rujukan LMSB-SHE-L-19062012-AELB-54; bertajuk "Fulfillment Of Two Additional Conditions To The License Conditions Of Lynas (M) Sdn. Bhd.". Surat ini dihantar bagi mengemukakan dua (2) syarat-syarat tambahan kepada syarat lesen Kelas A (Pengilangan-Peringkat Pengendalian Sementara) atau <i>Class A (Milling-Temporary Operation License)</i> yang telah diputuskan oleh Lembaga pada 30 Januari 2012 bagi projek <i>Lynas Advanced Material Plant (LAMP)</i> Syarikat Lynas Malaysia Sdn. Bhd. Berdasarkan keputusan YB Menteri MOSTI, juga menggunakan kuasa yang diberikan di bawah Subseksyen 32(5) Akta 304, iaitu membuat perintah untuk mengenakan syarat-syarat tambahan kepada syarat-syarat lesen yang telah diputuskan oleh Lembaga pada 30 Januari 2012. Syarat-syarat tambahan yang dikenakan adalah seperti berikut:- 1) Bagi mengatasi jumlah residu terlalu banyak terkumpul di Residue Storage Facility (RSF), Lynas perlu mengemukakan kepada Lembaga kaedah immobilisasi (immobilisation) unsur-unsur radioaktif dalam residu yang akan dilupuskan. Kaedah immobilisasi adalah untuk memerangkap unsur radioaktif dari tersebar ke alam sekitar. Kaedah immobilisasi unsur-unsur radioaktif dalam residu yang akan dilupuskan yang telah diluluskan oleh Lembaga akan dijadikan syarat-syarat lesen; dan 2) Berkaitan dengan kemudahan pelupusan residu radioaktif, Lynas perlu mengemukakan kepada Lembaga Pelan Tindakan Kecemasan (Emergency Response Plan) untuk mengawal penyebaran debu ke udara dan alam sekitar dan Pelan Tindakan Kecemasan ini perlu disahkan oleh Lembaga. Ini diperlukan bagi menangani masalah jika berlaku kegagalan terhadap sistem semburan air. Pelan tindakan tersebut juga perlu mengambil kira penyediaan sumber air alternatif secara stand-by sepenuh masa sebagai langkah kontigensi. Pelan Tindakan Kecemasan yang telah disahkan oleh Lembaga akan dijadikan syarat-syarat lesen.

21 Jun 2012	Jabatan AELB telah mengemukakan surat kepada YB Menteri MOSTI melalui surat rasmi bertajuk “Rayuan Di Bawah Seksyen 32, Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304)” rujukan LPTA(S):TAD/006/1. Surat ini memaklumkan tindakan yang telah diambil oleh Lembaga seperti:- (i) Memaklumkan mengenai 2 syarat-syarat tambahan yang telah diputuskan oleh YB Menteri MOSTI sepertimana hasil daripada keputusan rayuan (oleh kumpulan anti Lynas)mesti dipatuhi oleh Lynas disamping mengambil tindakan susulan yang sewajarnya oleh Lynas dan (ii) Lesen TOL hanya dikeluarkan sekiranya Lembaga berpuas hari sekiranya 2 syarat-syarat tambahan dipatuhi sepenuhnya oleh Lynas.
05 September 2012 Keputusan Lembaga – Pengeluaran TOL di laman web AELB	1) Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (Lembaga) dalam mesyuaratnya pada 30 Januari 2012 telah memutuskan agar permohonan Lesen Pengendalian Sementara (TOL) Syarikat Lynas (Malaysia) Sdn. Bhd. (Lynas), diluluskan tertakluk kepada beberapa syarat. Walau bagaimanapun, TOL tidak dikeluarkan kerana Lynas perlu mematuhi syarat tambahan yang dibuat di bawah Akta 304 dan perundangan subsidiarinya. 2) Lembaga dalam mesyuaratnya pada hari Isnin, 3 September 2012, telah berpuashati bahawa Lynas telah mematuhi semua aspek teknikal, termasuk kaedah kawalan debu serta imobilisasi bahan radioaktif dalam residu, dan keperluan perundangan yang ditetapkan. Lembaga juga mengambil maklum bahawa Lynas telah membuat komitmen untuk membawa residu <i>Water Leach Purification</i> (WLP) yang terhasil dalam projek LAMP keluar daripada Malaysia dalam bentuk produk komersial. Sehubungan itu, Lembaga telah memutuskan untuk mengeluarkan TOL kepada Lynas bagi tempoh 2 tahun berkuat kuasa dari 3 September 2012 sehingga 2 September 2014. TOL ini akan membolehkan Lynas sebagai percubaan mengilang bahan mentah pekatan lanthanid secara berperingkat dan terhad serta dikawalselia secara berterusan oleh agensi penguatkuasa.
22 November 2012 Memulakan operasi - Rotary Kiln	Jabatan AELB telah menerima surat rasmi daripada Lynas bertajuk “Jadual untuk Memulakan operasi Lynas Advanced Material Plant”. Tarikh surat adalah 22 November 2012; rujukan: LMSB-SHE-L-221112-80. Didalam surat ini, lynas telahpun memaklumkan bahawa kilang akan memulakan <i>plant start-up</i> di mana <i>Rotary Kiln</i> akan dipanaskan mulai 23 November 2012 dan mengambil masa 3 hari untuk mencapai suhu operasi. Lynas juga menjangkakan kilang akan memulakan operasi sebenar pada 27 November 2012.
26 Disember 2012 Bayaran bagi membawa masuk pekatan lantanid (kali pertama)	Jabatan AELB telah menerima surat rasmi daripada Lynas bertajuk “Jaminan Kewangan-Cagaran Bagi Lesen”. Tarikh surat adalah 26 Disember 2012; rujukan: LMSB-SHE-L-261212-84. Di dalam surat ini pihak Lynas Malaysia memaklumkan bahawa mereka telahpun menyediakan cek bagi pembayaran ansuran membawa masuk pekatan lantanid (kali pertama) berjumlah Ringgit Malaysia: Dua juta lapan puluh ribu (RM 2,080,000.00) melalui cek bank HSBC (no cek: 001493).
TAHUN 2013	
Tiada keputusan major berkenaan aktiviti import yang dibuat pada tahun ini dan syarat lesen sediaada berkuatkuasa seperti biasa.	
TAHUN 2014	
11 Julai 2014	Lynas telah mengemukakan permohonan pembaharuan lesen bagi kelas (A,C,E dan G) secara atas talian (eSPP).
21 Ogos 2014	ML-81 Lembaga luluskan permohonan pembaharuan lesen Syarikat Lynas (M) Sdn. Bhd. bagi aktiviti:-

	(a) Kelas A (Mengilang) – membaharui lesen kelas A (Mengilang) untuk mengilang bahan mentah pekatan lantanid (lanthanide concentrates) peringkat pengendalian sementara kepada Peringkat Pengendalian Penuh; (b) Kelas A (Bahan Radioaktif Punca Terkedap) untuk aktiviti tolok; (c) Kelas C (Radas Penyinaran) untuk aktiviti penganalisaan bahan; (d) Kelas E (Import/ Eksport) untuk mengimport bahan mentah pekatan lantanid dari Mount Weld Australia ke Kuantan, Pahang dan (e) Kelas G (Penstoran Sebelum Pelupusan) untuk menstor sementara residu yang dihasilkan ke Kemudahan Penstoran Sementara atau 'Residues Storage Facility, RSF' di dalam kawasan tapak kilang sebelum pelupusan akhir (<i>final disposal</i>). bagi tempoh dua (2) tahun berserta bayaran fee sebanyak RM 233,702.00.00
21 Nov 2014 ML-82	ML-82, Lembaga mengambil maklum syarat lesen kelas A (mengilang), peringkat pengendalian penuh Lynas.
TAHUN 2015	
Tiada keputusan major berkenaan aktiviti import yang dibuat pada tahun ini dan syarat lesen sediaada berkuatkuasa seperti biasa.	
TAHUN 2016	
28/7/2016 ML 88	Mesuarat Lembaga (ML88) menilai permohonan pembaharuan lesen Lynas yang akan tamat pada 2 Sept 2016. Keputusan Lembaga; Lesen Lynas diperbaharui sehingga 31 Dec 2016 – kerana tempoh Lynas untuk menjelaskan bayaran cagaran lesen bagi tahun 2014 adalah sehingga akhir Dec 2016
9/8/2016	Surat AELB memaklumkan pembaharuan lesen diluluskan oleh Lembaga sehingga 31 Disember 2016, dan Lynas dikehendaki menjelaskan bayaran cagaran lesen bagi tahun 2014 sebelum berakhir Disember 2016. (Bayaran cagaran bagi tahun 2015 dan 2016 dibenar ditangguhkan sehingga Julai 2017)
TAHUN 2017	
13 Dis 2017	Lynas mengemukakan permohonan rasmi untuk meningkatkan kadar memproses pekatan lantanid daripada 80,000 MT/tahun ke 95,000 MT/tahun di kilang LAMP. Dokumen RIA (rev. 4 – LYN/RIA/1117/02) turut dikemukakan (nota: simulasi RESRAD bagi kuantiti pekatan Lantanid pada kuantiti sebanyak 80, 000 MT, 95, 000 dan 130, 000 MT setahun)
TAHUN 2018	
16 Jan 2018	Jabatan AELB melalui mesuarat perlesenan meluluskan permohonan Lynas untuk memproses pekatan lantanida pada kuantiti sebanyak 95,000 MT/tahun.
17 Julai 2018	Surat Lynas rujukan LMSB-RAD-17072018-AELB-6 memohon meningkatkan pengilangan pekatan lanthanide kepada 110,000 MT setahun. (Alasan: kandungan REO dalam pekatan lanthanide kini semakin menurun, ini dibuktikan dengan kepekatan aktiviti Th dalam pekatan lanthanide juga menurun, ~ 5.3 Bq/g dari 6 Bq/g) [16/1/2018 – LPTA telah meluluskan permohonan Lynas meningkatkan pengilangan pekatan lanthanide dari 80 000 MT ekpada 95 000MT setahun]
16 Ogos 2018 ML 95	ML-95: Lembaga membincangkan 2 kertaskerja permohonan Lynas: i. Permohonan membina dan mengguna WLP RSF #5 ii. Permohonan untuk meningkatkan pengilangan pekatan lantanida kepada 110,000 MT setahun Lembaga memutuskan untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung kedua-dua permohonan tersebut sebelum diluluskan.
5 Okt 2018 ML 96	Mesuarat Lembaga ML-96 membincangkan 2 permohonan Lynas dan membuat keputusan, Lembaga bersetuju dan tiada apa-apa halangan terdapat 2 permohonan Lynas tersebut: 1. Permohonan membina dan mengguna WLP RSF #5

	2.	Permohonan untuk meningkatkan pengilangan pekatan lantanida kepada 110,000 MT setahun (berat basah)
23 Okt 2018		Surat LPTA memaklumkan keputusan Lembaga terdada 2 permohonan Lynas tersebut, dimana Lembaga tiada apa-apa halangan terhadap permohonan: 1. Lynas untuk membina dan mengguna WLP RSF #5 2. Lynas untuk meningkatkan pengilangan pekatan lantanida kepada 110,000 MT setahun (berat basah)
TAHUN 2019		
4 Dis 2019	1.30	taklimat ringkas kepada KSU berkenaan kuantiti residu WLP yang dijana oleh Lynas dan keperluan pembinaan PDF oleh Lynas bagi pelupusan sisa WLP 1.01 Perbincangan dengan YBM mengenai • Kelulusan peningkatan pengilangan 110 000MT pekatan lanthanide oleh Lembaga • Kuantiti pekatan lanthanide yang diimport • Kuantiti residu WLP yang dihasilkan setakat ini • keperluan pembinaan PDF oleh Lynas Arahan YBM: • LPTA diminta menganggarkan kos dan keluasan tanah yang diperlukan jika kerajaan perlu untuk membina PDF (PDF for VLLW) • LPTA perlu <i>regulate</i> Amang
TAHUN 2020		
17 Feb 2020	8.30 pm:	Mesyuarat Lembaga Khas Bil.1/2020 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Ibupejabat LPTA dan telah dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga baharu iaitu Y.Bhg Datuk Wira Ir. Md Sidek bin Ahmad. Mesyuarat membincangkan pemohonan pembaharuan lesen oleh Lynas dan permohonan Lynas untuk mengguna wang cagaran bagi lesen Lynas untuk projek pembinaan PDF. Lembaga sebulat suara memutuskan: 1. Lesen pembaharuan Lynas diluluskan untuk 3 tahun bermula 03/03/2020 – 02/03/2023 2. Lynas tertakluk kepada syarat2: i. Pembinaan PDF hendaklah bermula dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh kelulusan lesen setelah memenuhi keperluan perundangan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang berkenaan. Kegagalan untuk memulakan pembinaan PDF dan mematuhi garis masa pembinaan pada tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan lesen terbatal. ii. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan rancangan kemajuan kerja untuk pembinaan PDF dan melaporkan status perkembangannya seperti yang ditetapkan oleh Lembaga. Lembaga berhak menyemak semula keputusan syarat lesen yang telah ditetapkan berdasarkan status kemajuan yang dicapai. iii. PDF yang dibina hendaklah hanya menempatkan sisa-sisa radioaktif yang sedia ada dan sebarang sisa yang akan dihasilkan dari kilang Lynas sehingga Mac 2023 iv. <i>Loji Cracking and Leaching</i> di luar negara perlu beroperasi sebelum Mac 2023. Selepas tempoh tersebut, pemegang lesen tidak lagi dibenarkan untuk mengimport bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi ke Malaysia. v. Pemegang lesen tidak lagi dibenarkan menghasilkan residu WLP di LAMP selepas pemindahan proses <i>Cracking and Leaching</i> ke Luar Negara. vi. Pegangan wang cagaran akan dikekalkan bagi keperluan pematuhan syarat-syarat lesen yang berkaitan.

25 Feb 2020	8.30pm: Mesyuarat Lembaga Khas LPTA Bil.2/2020 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Ibupejabat LPTA. Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk mendapat persetujuan dengan pindaan kepada draf syarat lesen Lynas. Mesyuarat dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga iaitu Y.Bhg Datuk Wira Ir. Md Sidek bin Ahmad. Mesyuarat Lembaga khas, memutuskan syarat tambahan Lynas seperti berikut: i. Pemegang lesen hendaklah memulakan proses pembangunan Kemudahan Pelupusan Kekal (<i>Permanent Disposal Facility</i>, PDF) di lokasi bersesuaian pada tahun pertama dari tarikh kelulusan lesen setelah memenuhi keperluan perundangan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang berkenaan. Kegagalan untuk memulakan pembinaan PDF dan mematuhi garis masa (milestone) pembinaan pada tempoh masa yang ditetapkan boleh menyebabkan lesen terbatal. ii. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan rancangan kemajuan kerja untuk pembinaan PDF dan melaporkan status perkembangannya seperti yang ditetapkan oleh Lembaga. Lembaga berhak menyemak semula keputusan syarat lesen yang telah ditetapkan berdasarkan status kemajuan yang dicapai. iii. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa PDF yang dibina hanya menempatkan residu-residu <i>Water Leach Purification</i> (WLP) yang sedia ada dan sebarang residu WLP yang akan dihasilkan dari <i>Lynas Advanced Material Plant</i> (LAMP) sehingga Julai 2023. iv. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa loji <i>Cracking and Leaching</i> di luar negara beroperasi sebelum Julai 2023. Selepas tempoh tersebut, pemegang lesen tidak lagi dibenarkan untuk mengimport bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi <i>Naturally Occurring Radioactive Material</i> (NORM) ke Malaysia. v. Pemegang lesen hendaklah melantik pihak ketiga yang bebas (<i>Independent Third Party</i>) untuk melaksanakan penilaian berkala ke atas kemajuan pembinaan PDF dan pembinaan loji <i>Cracking and Leaching</i> dan mengemukakan laporan penilaian tersebut kepada Lembaga. vi. Pemegang lesen tidak lagi dibenarkan menghasilkan residu WLP di <i>Lynas Advanced Material Plant</i> (LAMP) selepas pemindahan proses <i>Cracking and Leaching</i> ke Luar Negara. vii. Pegangan wang cagaran akan dikekalkan bagi keperluan pematuhan syarat-syarat lesen yang berkaitan.
TAHUN 2021	
19 Ogos 2021	Mesyuarat Lembaga Khas Bil 1/2021 membincangkan kertas kerja: 1. Cadangan tapak pembinaan PDF Lynas di GIE - dipersetujui dengan syarat: i. Lynas hendaklah mengemukakan status pengambilan balik dan pemilikan tanah daripada pihak Kerajaan Negeri Pahang; ii. Lynas hendaklah mendapatkan keputusan permohonan pengecualian kelulusan Majlis Perancangan Fizikal Negara daripada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia); iii. Lynas hendaklah mengadakan sesi libaturus dengan penduduk setempat (<i>Public Engagement</i>);

	iv. Lynas hendaklah memastikan sebarang kekurangan dari segi <i>natural barrier</i> diatasi dengan mengadakan <i>engineered barrier</i> ; dan v. Lynas hendaklah memastikan bahawa rekabentuk PDF mematuhi piawaian kebangsaan dan antarabangsa. 2. Permohonan Lynas bagi penanguhan selama 6 bulan untuk membina PDF dari 2 September 2021 kepada 2 Mac 2022 - dipersetujui tertakluk kepada syarat: i. Lynas hendaklah memastikan agar syarat-syarat tambahan berkenaan penggunaan dan import pekatan Lantanid dan penghasilan residu <i>Water Leached Purification</i> (WLP) di kilang Lynas dipatuhi; ii. Lynas hendaklah mengemaskini jadual pematuan (<i>milestone</i>) bagi proses pembangunan PDF dan mengemukakan kepada Jabatan AELB dan memastikan pembinaan PDF dapat disiapkan sebelum Julai 2023; iii. Lynas hendaklah mengemaskini dan mengemukakan status pembinaan loji <i>Cracking and Leaching</i> (C&L) di Australia kepada Jabatan AELB; dan iv. Lynas hendaklah menyelesaikan status pengambilan balik dan pemilikan tanah di tapak cadangan GIE diselesaikan secepat mungkin. Kertas makluman: Tambahan aktiviti di bawah Lesen kelas H (Perkhidmatan pengurusan dan pelupusan NORM) - diambil maklum.
TAHUN 2022	
8 Mac 2022	Lawatan tapak bagi menilai permohonan meningkatkan inventori pekatan lantanid di kilang Lynas dan juga ke tapak cadangan Pembangunan Kemudahan Pelupusan Kekal (PDF) telah diadakan. Wakil AELB adalah: 1. Pn. Hajah Monalija Kostor 2. En. Mohd Zulfadli Ramli 3. En. Muhammad Hassyakirin Hasim
10 Mac 2022	Surat maklumbalas AELB kepada Lynas (No. Ruj.:LPTA(S):P&P/026/666Klt.30(62)) dikemukakan menyatakan AELB tiada apa-apa halangan berkenaan hasrat Lynas untuk meningkatkan inventori pekatan lantanid (<i>lanthanide concentrates</i>) yang distor di Lynas daripada 6,000 tan metrik kepada tidak melebihi 13,000 tan metrik pada satu-satu masa bermula Mac 2022 hingga Jun 2023
TAHUN 2023	
19 Januari 2023	Mesyuarat Lembaga Khas Bil.1/2023 telah diadakan di MOSTI. Kertas kerja dibincangkan adalah berkenaan: i. Permohonan pembaharuan lesen oleh Lynas Malaysia Sdn Bhd bagi lesen kelas A (Pengilangan), Kelas A (Bahan Radioaktif Punca Terkedap), Kelas C (Radas Penyinaran), Kelas D (Pengangkutan), Kelas E (Import/Eksport) dan Kelas G (Penstoran Sebelum Pelupusan) ii. Permohonan bagi menggugurkan syarat lesen No. 37.3, 37.4, 37.6 dan 40.1 bagi lesen LPTA/A/1333 oleh Lynas Malaysia Sdn Bhd Lembaga sebulat suara memutuskan permohonan pembaharuan lesen Lynas DILULUSKAN. Manakala, permohonan menggugurkan syarat lesen No. 37.3, 37.4, 37.6 dan 40.1 bagi lesen LPTA/A/1333 oleh Lynas adalah TIDAK DIPERTIMBANGKAN.

13 Februari 2023	Surat makluman keputusan daripada Mesyuarat Lembaga Khas Bil.1/2023 terhadap permohonan pembaharuan lesen dan permohonan pengguguran syarat lesen No. 37.3, 37.4, 37.6 dan 40.1 telah dikemukakan kepada Lynas. Tajuk surat adalah seperti adalah berikut: i. Permohonan membaharui lesen LPTA/A/1333 oleh syarikat Lynas Malaysia Sdn Bhd (No. Ruj.: LPTA(S): P&P/026/666 Jld. 31 (9)) Permohonan bagi menggugurkan syarat lesen No. 37.3, 37.4, 37.6 dan 40.1 bagi lesen LPTA/A/1333 oleh syarikat Lynas Malaysia Sdn Bhd (No. Ruj.: LPTA(S): P&P/026/666 Jld. 31 (10))						
15 Februari 2023	• YB Menteri MOSTI, YBrs Tuan Chang Lih Kang telah membuat kenyataan media di parlimen memaklumkan status keputusan permohonan Lynas untuk menggugurkan empat (4) syarat lesen berkaitan pengurusan residu WLP selepas Julai 2023, aktiviti <i>Cracking & Leaching</i> di LAMP dan pengimportan pekatan lantanid dari Australia tidak diluluskan oleh Lembaga. Selain itu, YB Menteri turut memaklumkan berkenaan status permohonan lessen Lynas untuk tempoh tiga (3) tahun bermula 3 Mac 2023 hingga 2 Mac 2026 telah diluluskan.						
20 Februari 2023	Lynas telah mengemukakan surat kepada Atom Malaysia memaklumkan Lynas hanya menerima syarat lesen baharunya pada 16 Februari 2023 sedangkan kenyataan media dikeluarkan oleh YBM MOSTI adalah pada 15 Februari 2023. Lynas tidak berpuashati berikutan terdapat media telah mengeluarkan kenyataan berkenaan syarat lesen terlebih dahulu sebelum pengeluaran rasmi syarat lesen baharunya oleh Atom Malaysia. Selain itu, dalam surat ini turut dinyatakan Lynas memohon pengesahan daripada Atom Malaysia terhadap syarat lesen no. 8.4 memandangkan ianya tidak konsisten dengan syarat lesen no. 31.1. Selain itu, peruntukan syarat lesen ini turut tidak selaras dengan peruntukan syarat lesen no 34.1 dan 34.2. Oleh itu, Lynas memohon pengesahan daripada Atom Malaysia apakah ketidakpatuhan oleh Lynas melibatkan keselamatan dan sekuriti sumber sinaran bagi mengelakkan kejadian kehilangan, kecurian dan sabotaj sepanjang operasinya.						
24 Februari 2023	Atom Malaysia mengemukakan surat (No. Ruj.:LPTA(S):P&P/026/666 Jld.31(13)) kepada Lynas memaklumkan berdasarkan kepada perbincangan bersama pihak Lynas pada 24 Februari 2023, telah menimbang dan menilai persoalan yang dikemukakan oleh pihak Lynas berkenaan syarat lesen no. 8.4 dan 11 melibatkan aktiviti import/eksport bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi (<i>Naturally Occurring Radioactive Material</i>, NORM) dan penstoran punca tak terkedap iaitu pekatan lantanid. Bagi mengelakkan kekeliruan yang timbul berkenaan tarikh mula larangan pengimportan dan penstoran punca tak terkedap pekatan lantanid, Jabatan ini telah mengemaskini beberapa syarat lesen seperti di bawah: <table border="1"> <thead> <tr> <th>Syarat Lesen (asal)</th><th>Syarat Lesen (dikemaskini)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>8.4 Pemegang lesen tidak dibenarkan lagi mengimport bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi (<i>Naturally Occurring Radioactive Material</i>, NORM) ke Malaysia berkuatkuasa sebelum Julai 2023.</td><td>8.4 Pemegang lesen tidak dibenarkan lagi mengimport bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi (<i>Naturally Occurring Radioactive Material</i>, NORM) ke Malaysia berkuatkuasa 1 Julai 2023.</td></tr> <tr> <td>11. Pemegang lesen hendaklah menstor punca tak terkedap iaitu pekatan lantanid tidak melebihi 6,000 metrik tan sahaja dalam satu-satu masa di kawasan kemudahan penstoran (meliputi kontena di dalam yard kilang dan gudang penyimpanan) yang diluluskan oleh Lembaga sahaja.</td><td>11. Pemegang lesen hendaklah menstor punca tak terkedap iaitu pekatan lantanid tidak melebihi 13,000 metrik tan sahaja dalam satu-satu masa di kawasan kemudahan penstoran yang diluluskan oleh Lembaga sahaja</td></tr> </tbody> </table>	Syarat Lesen (asal)	Syarat Lesen (dikemaskini)	8.4 Pemegang lesen tidak dibenarkan lagi mengimport bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi (<i>Naturally Occurring Radioactive Material</i> , NORM) ke Malaysia berkuatkuasa sebelum Julai 2023.	8.4 Pemegang lesen tidak dibenarkan lagi mengimport bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi (<i>Naturally Occurring Radioactive Material</i> , NORM) ke Malaysia berkuatkuasa 1 Julai 2023.	11. Pemegang lesen hendaklah menstor punca tak terkedap iaitu pekatan lantanid tidak melebihi 6,000 metrik tan sahaja dalam satu-satu masa di kawasan kemudahan penstoran (meliputi kontena di dalam yard kilang dan gudang penyimpanan) yang diluluskan oleh Lembaga sahaja.	11. Pemegang lesen hendaklah menstor punca tak terkedap iaitu pekatan lantanid tidak melebihi 13,000 metrik tan sahaja dalam satu-satu masa di kawasan kemudahan penstoran yang diluluskan oleh Lembaga sahaja
Syarat Lesen (asal)	Syarat Lesen (dikemaskini)						
8.4 Pemegang lesen tidak dibenarkan lagi mengimport bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi (<i>Naturally Occurring Radioactive Material</i> , NORM) ke Malaysia berkuatkuasa sebelum Julai 2023.	8.4 Pemegang lesen tidak dibenarkan lagi mengimport bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi (<i>Naturally Occurring Radioactive Material</i> , NORM) ke Malaysia berkuatkuasa 1 Julai 2023.						
11. Pemegang lesen hendaklah menstor punca tak terkedap iaitu pekatan lantanid tidak melebihi 6,000 metrik tan sahaja dalam satu-satu masa di kawasan kemudahan penstoran (meliputi kontena di dalam yard kilang dan gudang penyimpanan) yang diluluskan oleh Lembaga sahaja.	11. Pemegang lesen hendaklah menstor punca tak terkedap iaitu pekatan lantanid tidak melebihi 13,000 metrik tan sahaja dalam satu-satu masa di kawasan kemudahan penstoran yang diluluskan oleh Lembaga sahaja						

	31.1 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa loji <i>Cracking and Leaching</i> di luar negara beroperasi sebelum Julai 2023. Selepas tempoh tersebut, pemegang lesen tidak lagi dibenarkan untuk mengimport bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi (<i>Naturally Occurring Radioactive Material, NORM</i>) ke Malaysia.	31.1 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa loji <i>Cracking and Leaching</i> di luar negara beroperasi sebelum 1 Julai 2023. Selepas tempoh tersebut, pemegang lesen tidak lagi dibenarkan untuk mengimport bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi (<i>Naturally Occurring Radioactive Material, NORM</i>) ke Malaysia.
	Berkenaan dengan syarat lesen no. 34.1 dan 34.2, syarat lesen tersebut adalah terpakai untuk bahan radioaktif punca terkedap yang merujuk kepada perlaksanaan kawalan selaras dengan Program Perlindungan Sinaran yang dilaksanakan berdasarkan keperluan dokumen "<i>Code of Conduct on the Safety and Security of Radioactive Sources</i>". Untuk makluman YBr. Profesor Dr., syarat ini merupakan syarat umum yang dikenakan ke atas semua pemegang lesen yang berurusan dengan bahan radioaktif punca terkedap sebagai tindakan proaktif menghalang sebarang kejadian yang tidak diingini daripada berlaku dari aspek keselamatan dan sekuriti sumber sinaran. Sehubungan dengan itu, syarat lesen no. 34.1 dan 34.2 dikekalkan.	
23 Mac 2023	Mesyuarat Lembaga Bil.1/2023 telah diadakan bagi membincangkan Alasan Keputusan Rayuan Lynas beserta kertas makluman pindaan Syarat Lesen Lynas terkini.	
27 April 2023	Lembaga telah mengemukakan surat kepada Lynas (No. Ruj.: LPTA(S):TAD/006/1 Jld.23(25)) memaklumkan bahawa tiada peruntukan untuk permohonan interlokutori seperti diminta Lynas (dengan merujuk kepada surat Lynas bertarikh 25 April 2023) di bawah Seksyen 32 Akta 304 mahupun Peraturan-Peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Rayuan) 1990 [P.U.(A) 206].	
5 Mei 2023	YBM MOSTI mengemukakan surat kepada Lynas berhubung keputusan rayuan yang diadakan pada 28 April 2023 maklumkan telah menolak Rayuan Pertama Manakala bagi Rayuan Kedua, SL telah dipinda seperti berikut: - Syarat Lesen No.8.4, Pemegang lesen tidak dibenarkan lagi mengimport bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi (<i>Naturally Occurring Radioactive Material, NORM</i>) ke Malaysia berkuatkuasa 1 Januari 2024 - Syarat Lesen No.31.1, Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa loji <i>Cracking and Leaching</i> di luar negara beroperasi sebelum 1 Januari 2024. Selepas tempoh tersebut, pemegang lesen tidak lagi dibenarkan untuk mengimport bahan mentah yang mengandungi NORM ke Malaysia. Syarat Lesen No.32.2 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa PDF yang dibina hanya menempatkan residu WLP yang sedia ada dan sebarang residu WLP yang akan dihasilkan dari LAMP sehingga Januari 2024.	
22 Ogos 2023	Lynas Malaysia telah memfailkan permohonan kebenaran semakan kehakiman terhadap MOSTI dan LPTA berhubung syarat lesen operasi ke-6 yang melarang pengimportan dan pemprosesan pekatan lantanid selepas 1 Januari 2024 di Mahkamah Tinggi Malaya Kuala Lumpur.	
23 Oktober 2023	Mesyuarat Khas Lembaga Perlesenan Tenaga Atom Bil. 2/2023 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Ibu Pejabat JTA. Lembaga telah membincangkan kertas kerja LEM/KK/361 Tamb.3 dan bersetuju untuk pindaan syarat lesen Lynas bagi tempoh sah lesen 03 Mac 2023 hingga 02 Mac 2026 seperti berikut:	
	Syarat lesen bagi tempoh sah lesen 03 Mac 2023 - 02 Mac 2026 8. Import/Eksport 8.4 Pemegang lesen tidak dibenarkan lagi mengimport bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif	Pindaan syarat lesen yang telah dipersetujui oleh Lembaga 8. Import/Eksport 8.4 Pemegang lesen dibenarkan mengimport bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi

semulajadi (NORM) ke Malaysia berkuatkuasa 1 Januari 2024.	(NORM) ke Malaysia sehingga tamat tempoh sah lesen ini dan juga tertakluk kepada syarat No. 39.
29. Kendalian residu WLP 29.2 Pemegang lesen tidak lagi dibenarkan menghasilkan residu WLP di LAMP selepas pemindahan proses C&L ke luar negara.	29. Kendalian residu WLP DIGUGURKAN
31. Loji C&L di luar negara 31.1 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa loji C&L di luar negara beroperasi sebelum 1 Julai 2023. Selepas tempoh tersebut, pemegang lesen tidak lagi dibenarkan untuk mengimport bahan mentah yang mengandungi NORM ke Malaysia. 31.2 Pemegang lesen tidak lagi dibenarkan menghasilkan residu WLP di LAMP selepas pemindahan proses C&L ke luar negara. 31.3 Pemegang lesen hendaklah memastikan pihak ketiga yang bebas (<i>independent third party</i>) yang dilantik melaksanakan penilaian berkala ke atas kemajuan pembinaan loji C&L dan mengemukakan laporan penilaian tersebut kepada Lembaga.	DIGUGURKAN DIGUGURKAN DIGUGURKAN
32. Kemudahan Pelupusan Kekal 32.2 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa PDF yang dibina hanya menempatkan residu WLP yang sedia ada dan sebarang residu WLP yang akan dihasilkan dari LAMP sehingga Januari 2024.	31. Kemudahan Pelupusan Kekal 31.2 Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa PDF yang dibina hanya menempatkan residu WLP sahaja.
34. Kawalan keselamatan dan sekuriti punca terkedap 34.1 Pemegang lesen hendaklah melaksanakan langkah keselamatan dan sekuriti punca terkedap dengan lebih ketat bagi mengelakkan kejadian kehilangan, kecurian dan sabotaj.	33. Kawalan keselamatan dan sekuriti punca terkedap 34.1 Pemegang lesen hendaklah melaksanakan langkah keselamatan dan sekuriti punca terkedap dengan ketat bagi mengelakkan kejadian kehilangan, kecurian dan sabotaj.
40. Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) 40.1 Pemegang lesen hendaklah membelanjakan satu peratus (1%) daripada jualan kasar setiap tahun untuk melaksanakan aktiviti R&D berkaitan pengurusan residu WLP yang akan diselia oleh Lembaga. Pemegang lesen	39. Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) 39.1 Pemegang lesen hendaklah membelanjakan satu peratus (1%) daripada jualan kasar setiap tahun untuk melaksanakan aktiviti R&D mengenai pengurusan residu WLP dan yang berkaitan

	hendaklah memastikan bahawa hasil R&D tersebut dapat dikomersialkan.	dengannya, yang akan dipantau dan diselenggara oleh Lembaga.
	<u>Syarat lesen baharu</u> <u>Cagaran bagi lesen</u> 1. Pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat jaminan kewangan yang telah selesai dibayar kepada Kerajaan Malaysia sebanyak United State Dollar (USD) 50 juta yang dikenakan sebagai: a) Jaminan kepada pematuhan syarat lesen oleh pemegang lesen; dan b) Jaminan kepada Kerajaan Malaysia sekiranya berlaku kehilangan bahan radioaktif atau kemalangan dan kerosakan akibat aktiviti pemegang lesen. 2. Pemegang lesen hendaklah memastikan wang cagaran dalam bentuk bon sentiasa sah tempoh lakunya dan melaporkannya kepada Lembaga. 3. Pemegang lesen hendaklah mengambil maklum bahawa cagaran ini tertakluk kepada kajian semula oleh Lembaga, jika difikirkan perlu, setelah mengambil kira kepentingan keselamatan sinaran dan kepentingan awam. Dalam mesyuarat yang sama, Lembaga juga mengambil maklum mengenai pelan komunikasi untuk pemakluman pindaan syarat lesen Lynas yang terkandung dalam kertas kerja LEM/KK/361 Tamb. 3. Tujuan Pelan Komunikasi disediakan adalah bagi mengurangkan impak kesan daripada pengumuman mengenai pindaan syarat lesen Lynas yang akan membawa perubahan terhadap operasi Lynas di Malaysia. Mesej positif berkaitan kepentingan pembangunan industri nadir bumi di Malaysia yang boleh memacu teknologi hijau, seterusnya menyumbang kepada tekad Kerajaan untuk mencapai karbon rendah boleh digunakan untuk memberi kesedaran kepada pemegang taruh, dan mengurangkan persepsi negatif terhadap operasi Lynas di Malaysia. Lembaga juga mengambil maklum maklumat daripada TKSU (P) berhubung penubuhan jawatankuasa untuk R&D telah diluluskan oleh YB Menteri MOSTI pada 27 September 2023. Sehubungan itu, surat pelantikan yang akan dikeluarkan oleh MOSTI kepada Pengerusi yang dicadangkan iaitu YBrs. Dr. Muhd Noor bin Muhd Yunus dan Pengerusi bersama, YM. Raja Dato' Dr. Abdul Aziz bin Raja Adnan dan ahli-ahli adalah dengan tarikh bermula pada 27 September 2023. Terdapat beberapa mesyuarat yang telah dilaksanakan walaupun pelantikan belum selesai yang dikira sebagai interim. Mesyuarat juga mengambil maklum Project Management Director (PMD) yang dicadangkan, iaitu YBhg. Profesor Dr. Nahrul bin Alang Md Rashid belum lagi dilantik secara rasmi. TOR akan dikeluarkan oleh MOSTI kepada PMD untuk persetujuan memandangkan PMD adalah individu yang akan memandu aktiviti R&D yang berdasarkan projek. Lembaga juga mengambil maklum bengkel bagi membincangkan aktiviti R&D terhadap WLP milik Lynas telah diadakan pada 21 dan 22 Oktober 2023 dan telah dihadiri oleh interim PMD, iaitu Prof Nahrul, Dr Aznan daripada UKM, Dr Rawi daripada ANM, Dato Mashal dan Prof Ismail daripada Lynas. Objektif	

	bengkel adalah untuk membincangkan mengenai R&D terhadap WLP milik Lynas supaya dapat diturunkan kepekatan keaktifan unsur uranium dan torium dalam WLP supaya dapat dilepaskan daripada kawalan perundangan. Dalam masa yang sama, aktiviti R&D hendaklah economically and viable. Jualan kasar Lynas pada tahun 2022 adalah 700 juta USD, maka 1% yang perlu dibelanjakan oleh Lynas untuk aktiviti R&D selaras syarat lesen yang telah dikenakan adalah sekitar 7 juta USD. Bagi perbelanjaan dicadangkan untuk pelaksanaan adalah secara hibrid, iaitu kewangan secara terus daripada Lynas untuk pembelian kelengkapan dan sebahagian sumbangan daripada Lynas kepada kerajaan. Lembaga mengambil maklum R&D untuk mengekstrak torium telah pun bermula pada 2014. Walau bagaimanapun, persekitaran yang tidak kondusif pada masa tersebut menyebabkan aktiviti melibatkan pengekstrakan torium tidak diwar-warkan dan pada masa tersebut torium belum matang/belum ada permintaan untuk digunakan. Pada tahun 2023, China telah membangunkan reaktor yang menggunakan torium dan ini adalah merupakan petunjuk bahawa torium telah menjadi suatu sumber.
31 Oktober 2023	Surat mengenai Keputusan Mesyuarat Khas Lembaga Bil.2/2023 Berhubung Pindaan Syarat Lesen Lynas Malaysia Sdn. Bhd. (Lynas) (LPTA/A/1333) Bagi Tempoh Sah Lesen 03 Mac 2023 Hingga 02 Mac 2026 no. rujukan LPTA(S): P&P/026/666 Jld. 31 (38) telah diemel kepada OBTL Lynas pada 31 Oktober 2023. Surat ini bertujuan memaklumkan "typo" pada syarat lesen no. 8.4 mengenai Import/Eksport.
14 November 2023	SIARAN MEDIA OLEH LYNAS Lynas tarik balik 2 permohonan semakan kehakiman berhubung syarat lesen operasi (Astro Awani, November 14, 2023 12:10 pm) https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lynas-tarik-balik-2-permohonan-semakan-kehakiman-berhubung-syarat-lesen-operasi-445887 KUALA LUMPUR: Lynas Malaysia Sdn Bhd hari ini menarik balik dua permohonan semakan kehakiman terhadap kerajaan berhubung syarat lesen operasinya yang melarang pengimportan dan pemprosesan lantanida selepas 1 Jan 2024. Peguam Tan Sri Cecil Abraham mewakili Lynas memaklumkan perkara itu, semasa prosiding kes di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh yang berlangsung secara dalam talian. Cecil berkata Lynas dan kerajaan telah bersetuju dengan terma di bawah draf perintah yang dicadangkan. "Oleh itu, dua permohonan semakan kehakiman tersebut ditarik balik oleh Lynas," kata peguam itu. Peguam Persekutuan Mohammad Sallehuddin Md Ali dari Jabatan Peguam Negara mengesahkan perkara tersebut. Hakim Wan Ahmad Farid kemudian merekodkan penarikan balik kedua-dua permohonan itu, tanpa sebarang kos. Pada 22 Ogos lepas, Mahkamah Tinggi di sini memberi kebenaran kepada Lynas untuk memulakan dua semakan kehakiman berkenaan. Pada Julai lepas, Lynas memfailkan dua permohonan kebenaran semakan kehakiman terhadap Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) sebagai responden. Lynas, dalam satu kenyataan media berkata, tindakan itu difailkan untuk membatalkan syarat sekatan pengimportan dan pemprosesan lantanida pekat selepas 1 Jan tahun depan.

	Sebelum ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi juga mengumumkan bahawa rayuan Lynas terhadap pengguguran empat syarat pelesenan yang ditetapkan oleh AELB telah ditolak, selepas perbicaraan diadakan pada 28 April lepas bagi mendengar rayuan Lynas berhubung keputusan itu. -- BERNAMA
29 November 2023	Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perladangan Bil. 7 Tahun 2023 telah diadakan pada 29 November 2023, jam 3.00 petang di Bilik Jawatankuasa 2, Aras 2, Blok Utama, Parlimen Malaysia yang membincangkan mengenai permit yang dikeluarkan kepada Lynas Malaysia dan isu-isu berbangkit. Wakil JTA adalah Ts. Dr. Mohamad Annuar Assadat bin Husain. Intipati mesyuarat tersebut adalah seperti berikut: JTA diminta memberi pencerahan terhadap beberapa soalan seperti berikut: a) Bagaimana stock WLP yang sedia ada boleh dikurangkan dengan kebenaran mengimport melalui lesen yang dilanjutkan sehingga Mac 2026? b) Economic viable berkenaan kajian thorium? c) Feasibility study? Maklumbalas yang diberikan oleh Wakil JTA adalah: a) JTA sebagai regulator yang bertanggungjawab untuk memastikan semua syarat lesen dikenakan terhadap Lynas dipatuhi sepenuhnya. Lynas bertanggungjawab bagi memastikan stock WLP yang sedia ada perlu mempunyai kepekatan keaktifan di bawah 1 Bq/g. Lynas juga difahamkan telah membuat kerjasama dengan beberapa universiti dan agensi Kerajaan lain seperti Agensi Nuklear Malaysia dalam membuat R&D berkenaan pengekstrakan thorium. Lynas juga telah memberikan komitmen untuk menyediakan dana R&D 1% dari jualan kasar setiap tahun. Bagi memastikan perkara ini dapat dilaksanakan, komitmen ini telah dimasukkan sebagai salah satu syarat lesen yang perlu dipatuhi. b) Bagi maklumat lanjut berkaitan dengan economic viable, pihak jawatankuasa boleh meminta universiti yang terlibat dengan kajian tersebut untuk memberi maklumat berkenaan. c) Manakala perkara berkaitan feasibility study, maklumbalas diberikan oleh pihak MOSTI.
TAHUN 2024	
Tiada keputusan major berkenaan aktiviti import yang dibuat pada tahun ini dan syarat lesen sediaada berkuatkuasa seperti biasa.	
TAHUN 2025	
19 Ogos 2025	Surat dari Atom Malaysia (no. rujukan LPTA(S):P&P/026/666 Jld.31(44)) bertarikh 19 Ogos 2025 bertajuk STATUS PENGIMPORTAN BAHAN MREC KE LAMP



IBU PEJABAT JABATAN TENAGA ATOM
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil,
Selangor Darul Ehsan



DEPARTMENT OF ATOMIC ENERGY
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION (MOSTI)
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil,
Selangor Darul Ehsan

Telefon : +60-3-8922 5888
E-mel : kplpta@aelb.gov.my
Web : http://www.aelb.gov.my

SULIT

LPTA(S):P&P/026/666 Jld.31(44)
19 Ogos 2025

Lynas Malaysia Sdn. Bhd.
Lot PT 17212, Jalan Gebeng 3
Kawasan Perindustrian Gebeng Balok
26080 Kuantan, Pahang
(u.p.: YBr. Dr. Ismail Bin Bahari)

YBr. Dr.,

STATUS PENGIMPORAN BAHAN MREC KE LAMP

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat dari Jabatan ini dengan rujukan LPTA(S):P&P/026/666 Jld.31(43) bertarikh 23 Jun 2025 adalah berkenaan.

2. Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (Lembaga) di dalam Mesyuarat Khas Lembaga Perlesenan Tenaga Atom Bil.1/2025 pada 09 Mei 2025 mengambil maklum dan bersetuju untuk mengecualikan kawalan dibawah Akta 304 untuk Lynas mengimport bahan suapan *mixed rare earth carbonate* (MREC) dari Kalgoorlie, Australia Barat untuk diproses di LAMP, Gebeng. Pengecualian ini diberikan dengan syarat Lynas hendaklah mengemukakan sijil analisis (*certificate of analysis*, COA) kepekatan NORM di dalam bahan MREC kepada Jabatan Tenaga Atom (Atom Malaysia) sebelum mengimport masuk bahan MREC dan mengemukakan sijil analisis kepekatan NORM di dalam bahan MREC yang dijalankan oleh makmal yang diiktiraf oleh Atom Malaysia.

3. Sehubungan dengan itu, Lembaga di dalam Mesyuarat Lembaga Perlesenan Tenaga Atom kali ke-117 (Bil.2/2025) pada 05 Ogos 2025 telah mengarahkan kepada Lynas untuk memberikan status terkini bagi perkara melibatkan pengimportan bahan MREC ke LAMP serta status terkini pengoperasian kemudahan untuk menghasilkan MREC di Kalgoorlie, Australia. Mohon kerjasama pihak Ybr. Dr. untuk

SULIT



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT NO. - QMS 02368

SULIT

STATUS PENGIMPORAN BAHAN MREC KE LAMP


mengemukakan maklumat bagi perkara ini sebelum atau pada **02 September 2025** kepada Atom Malaysia untuk tindakan selanjutnya.

4. Sekiranya YBrs. Dr. mempunyai pertanyaan lanjut berkenaan perkara ini, YBrs. Dr. boleh berhubung dengan Ts. Dr. Mohamad Annuar Assadat bin Husain (annuar@atom.gov.my) atau En. Hafiz bin Hadzori (hafizh@atom.gov.my) untuk maklumat selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(NIK MOHD FAIZ BIN KHAIRUDDIN)
Bahagian Penilaian dan Perlesenan
b.p Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Atom
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

Salinan Dalam:

1. YBrs. Puan Hajah Noraishah Binti Pungut
Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Atom
2. YBrs. Puan Hajah Monalija Binti Kostor
Timbalan Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Atom
3. Pengarah
Bahagian Kawalselia Sinaran
Jabatan Tenaga Atom

Kronologi Lynas Malaysia Sdn. Bhd

Keputusan Lembaga Berkenaan *Permanent Disposal Facility* (PDF), *Cracking & Leaching* (C&L) di Karlgorlie, Australia dan Isu Berkaitan R&D

TAHUN 2012	
03-26 Januari 2012	Dokumen Lynas iaitu <i>Waste Management Plan</i> dan <i>The Safety Case For Disposal</i> dibuka dan dipamerkan kepada orang awam yang dijadualkan bermula 03 – 17 Januari 2012 (perancangan awal). Lokasi yang dipilih adalah di:- - Ibupejabat Jabatan AELB, - Pejabat Cawangan AELB di Kemaman, Terengganu, - Pejabat tapak Jabatan AELB di Gebeng, - Pejabat SUK Kerajaan Negeri Pahang dan - MITI. <u>Nota:</u> <i>Arahan YBM MOSTI, tempoh bagi dokumen kepada orang awam dilanjutkan sehingga 26 Januari 2012.</i>
01 Februari 2012	Keputusan mengenai permohonan mendapatkan lesen oleh Syarikat Lynas (M) Sdn. Bhd dimaklumkan di laman web ALEB. (Keputusan: Lulus & bersyarat). Perincian Kenyataan akhbar Setiausaha Eksekutif adalah seperti berikut:- KENYATAAN AKHBAR SETIAUSAHA EKSEKUTIF LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (LEMBAGA) KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI) MENGENAI KEPUTUSAN LEMBAGA KE ATAS PERMOHONAN LESEN KENDALIAN SEMENTARA (TEMPORARY OPERATING LICENSE-TOL) LYNAS ----- 1 Februari 2012 KEPUTUSAN LEMBAGA KE ATAS PERMOHONAN LESEN KENDALIAN SEMENTARA (TOL) LYNAS Mesyuarat Ahli Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (Lembaga) telah diadakan pada Isnin, 30 Januari 2012 bagi meneliti dokumen-dokumen yang telah dikemukakan kepada pihak Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) dan seterusnya membuat keputusan sama ada permohonan Lesen Kendalian Sementara (TOL) bagi Syarikat Lynas diluluskan atau tidak. Penilaian ini mengambil kira ulasan dan pandangan orang awam semasa dokumen Syarikat Lynas ini didedahkan kepada orang awam dari 3 hingga 26 Januari 2012. Dokumen tersebut telah ditempatkan di Dewan LPTA, Dengkil, Pejabat Setiausaha Pahang, Cawangan LPTA di Kuantan dan Pejabat LPTA di Lynas. Sehingga 26 Januari 2012, seramai 334 orang awam telah hadir memberikan ulasan dan sebanyak 1,123 ulasan telah diterima. Berdasarkan keputusan Mesyuarat Lembaga tersebut, permohonan Lesen Kendalian Sementara (TOL) Syarikat Lynas ini diluluskan dengan beberapa syarat di mana jika syarat-syarat tersebut tidak dipatuhi, lesen TOL boleh digantung atau dibatalkan dan permohonan lesen seterusnya tidak akan dipertimbangkan. Selain itu, pengurusan residu yang terhasil, semasa Syarikat Lynas di bawah lesen TOL ini, adalah di bawah tanggungjawab syarikat termasuk, jika perlu, pemulangan residu kepada sumber asal. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

	1) pihak Lynas perlu kemukakan semua aspek berkenaan <i>Permanent Disposal Facility (PDF)</i>; 2) pelan dan lokasi PDF perlu dikemukakan tanpa mengambil kira apakah hasil daripada penyelidikan dan pembangunan (R&D) pengkomersilan, pengkitaran dan penggunaan semula bahan residu; 3) pelan dan lokasi PDF perlu dikemuka dan diluluskan dalam tempoh masa lesen dan tidak melebihi 10 bulan daripada tarikh pengeluaran lesen TOL; 4) pihak Lynas perlu mematuhi syarat jaminan kewangan yang ditetapkan di bawah undang-undang yang berkaitan dan mengikut cadangan yang dikemukakan oleh pihak Syarikat Lynas (M) Sdn Bhd, sebanyak USD50 juta dibayar kepada Kerajaan Malaysia secara ansuran. Ini tertakluk kepada kajian semula oleh pihak Lembaga jika ditetapkan kemudian; dan 5) Lembaga berhak melantik perunding bebas untuk menilai kepatuhan Syarikat Lynas terhadap standard dan peraturan yang ditetapkan dan kosnya ditanggung oleh pemegang lesen. Sesi Taklimat Media 3 Februari 2012 (Jumaat) Ibu Pejabat Lembaga Perlesenan Tenaga Atom 10.00 Pagi
17 Februari 2012	Jabatan AELB mengeluarkan surat rasmi LPTA(S):P&P/026/666.Klt.9(37) kepada Lynas dan memaklumkan (a) keputusan Lembaga iaitu TOL diluluskan dengan bersyarat (rujuk syarat dibawah) (b) Lesen TOL dikeluarkan selama 2 tahun; (c) fee lesen bagi ketiga-tiga lesen yang dipohon (RM 1,117,400.00) (d) pembetulan yang perlu dilakukan oleh Syarikat Lynas (M) Sdn. Bhd. ke atas semua dokumen tyang dihantar (sepertimana komen JK Panel Teknikal Khas Projek Lynas pada 17 Jan 2012) <u>Nota:</u> Syarat-syarat yang perlu dipatuhi dan dipenuhi bagi lesen TOL adalah seperti berikut: a) Pihak Lynas perlu mengemukakan semua aspek berkenaan Permanent Disposal Facility (PDF); b) Pelan dan lokasi PDF perlu dikemukakan tanpa mengambil kira apakah hasil daripada penyelidikan dan pembangunan (R&D) pengkomersilan, pengkitaran dan penggunaan semula bahan residu; c) Pelan dan lokasi PDF perlu dikemuka dan diluluskan dalam tempoh masa lesen dan tidak melebihi 10 bulan daripada tarikh pengeluaran lesen TOL; d) pihak Lynas perlu mematuhi syarat jaminan kewangan iaitu sebagai cagaran bagi lesen yang ditetapkan di bawah undang-undang yang berkaitan dan mengikut cadangan yang dikemukakan oleh pihak Syarikat Lynas (M) Sdn Bhd, sebanyak USD 50 juta dibayar kepada Kerajaan Malaysia secara ansuran. Bayaran ansuran pertama iaitu USD 10 juta hendaklah dibuat pada tahun ini. Ini tertakluk kepada kajian semula oleh pihak Lembaga jika ditetapkan kemudian;

	e) Lembaga berhak melantik perunding bebas untuk menilai kepatuhan Syarikat Lynas terhadap standard dan peraturan yang ditetapkan dan kosnya ditanggung oleh pemegang lesen; f) Mengemukakan surat jaminan atau undertaking letter bahawa semua syarat akan dipatuhi dan Lynas akan bertanggungjawab terhadap segala kejadian/kemalangan yang berpunca daripada projek pengilangan yang dicadangkan; g) Menggunakan Sistem E-Permit bagi tujuan mengimport bahan pekatan Lantanid dari Australia ke Malaysia; h) Mengemukakan surat jaminan atau undertaking letter bahawa sekiranya program pembangunan dan penyelidikan (R&D) terhadap residu-residu dan pengkomersilan gagal (Worst Case Scenario), semua residu akan dihantar pulang ke negara asal dan i) Lynas perlu mengemukakan pelan/perancangan didalam bentuk Gantt Chart kepada Lembaga bermula daripada tarikh lesen TOL sehingga tarikh yang mencukupi tempoh 10 bulan (seperti syarat kelulusan lesen TOL) apakah perancangan dan tindakan yang akan diambil bagi memenuhi syarat PDF.
22 Februari 2012	<u>Kenyataan Akhbar kedua (di laman web AELB)</u> Joint Ministerial Statement on Lynas by: YB. Dato' Sri Mustapa Mohamed, Minister of International Trade and Industry YB. Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, Minister of Science, Technology and Innovation YB. Dato' Sri Douglas Uggah Embas Minister of Natural Resources and Environment YB. Dato' Sri Liow Tiong Lai Minister of Health 1) <i>As Ministers responsible for portfolios directly associated with Lynas' application to set up and operate its rare earth processing plant in Gebeng, Kuantan, we reiterate that public health and safety continue to be our utmost priority.</i> 2) <i>Any Permanent Disposal Facility (PDF) proposed by Lynas shall be located remotely and away from populated areas. All residue and waste water shall be fully treated meeting stipulated standards prior to discharge. There will be zero discharge of untreated industrial waste water.</i> 3) <i>Prior to the issuance of the Temporary Operating License (TOL), Lynas shall submit a letter of undertaking that it will accept a return of any residue generated by its factory in Gebeng to its original source.</i> 4) <i>We would like to announce that an independent monitoring unit will be formed to undertake a construction audit at the Lynas plant to ensure compliance to all standards imposed by the appropriate and relevant professional bodies.</i> 5) <i>As the public is aware, the Atomic Energy Licensing Board (AELB) announced its decision to award a TOL to Lynas (M) Sdn Bhd on February 1st 2012. Issuance, however, is subject to the company fulfilling these five conditions:</i> a) <i>Lynas is required to submit to AELB details of the plans and location of a proposed permanent disposal facility that will manage the residue, if any, generated by the factory;</i> b) <i>This submission must be made within ten months from the date the TOL is issued;</i>

	c) <i>This requirement must be complied with regardless of any alternative proposal Lynas may make for the management or disposal of the factory residue (eg. recycling, conversion into products that can be sold, etc);</i> d) <i>Lynas must agree to provide a USD 50 million security deposit to the Government and</i> e) <i>AELB has the right to appoint an independent expert assessor to evaluate Lynas' compliance with the safety and good practices requirements</i> <i>The above conditions underscore the prime importance of public health and safety.</i> 6) <i>The government will continue to engage in a transparent and open manner. We have done so at every stage of this engagement - by inviting the International Atomic Energy Agency (IAEA) to provide us with an independent assessment of the situation, by offering opportunities for public comment and feedback in the case of the IAEA visit and most recently, the public display of Lynas documents. We would like to encourage all concerned parties to visit the Lynas plant site and Lynas should do the necessary to facilitate this.</i> 7) <i>We are constantly listening to public views and will continue to address the concerns of the people. The government views the health and safety of the people as a matter of the highest priority and will do whatever it takes to safeguard public interest.</i>
27 Februari 2012	<u>Pembayaran fee lesen TOL, lesen Kelas E (import-pekatan lantanid) dan lesen Kelas G (Penstoran sebelum pelupusan)</u> Jabatan AELB telah menerima surat rasmi dan pembayaran fee lesen Kelas A-Mengilang (Peringkat Pengendalian Sementara), Kelas E (import-pekatan Lantanid) dan Kelas G (Penstoran Sebelum Pelupusan) daripada Lynas Malaysia Sdn. Bhd. Rujukan surat: LMSB-SHE-L-220212-AELB-32, bertarikh 22 Februari 2012. Jumlah fee lesen yang dibayar adalah RM 1, 117, 400.00. No resit pembayaran adalah: 07010012000396. <u>Nota:</u> • Surat bertarikh 22 Februari 2012 dan ditandatangani oleh Pengarah Urusan Syarikat Lynas Malaysia Sdn. Bhd. (Y. Bhg. Dato' Mashal Ahmad-OBTL). • Tarikh cop terima Jabatan AELB: 27 Februari 2012
19 Jun 2012	Perbincangan Laporan PSC Projek Lynas kepada Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia (Mesyuarat Kedua, Penggal Kelima Parlimen ke 12) ***** <u>PANDANGAN DAN SYOR PSC</u> Setelah mengambil kira terma rujukan, maklumat, pandangan daripada individu / persatuan / pertubuhan, dalam sesi pendengaran awam, pandangan pakar-pakar yang berkaitan, termasuk Lawatan Kerja serta berdasarkan kepada pemerhatian dan penelitian mendapati bahawa projek LAMP adalah merupakan kilang kimia yang mengeluarkan nadir bumi dan bukan loji nuklear atau perlombongan. Jawatankuasa mendapati bahawa sehingga kini semua aspek-aspek keselamatan, kesihatan dan alam sekitar berhubung dengan projek LAMP dan proses serta pelaksanaan prosedur perlesenan dan kelulusan berdasarkan peruntukan undang-undang serta standard keselamatan yang berkuat kuasa telah dipenuhi. Jawatankuasa mengemukakan syor-syor untuk penambahbaikan seperti berikut:

(A) KESELAMATAN SERTA IMPAK DAN PEMANTAUAN KESIHATAN PROJEK LAMPAspek Keselamatan Dedahan Sinaran (*Radiation Exposure*)

Tahap dedahan sinaran adalah merupakan kebimbangan yang utama oleh orang ramai.

Jawatankuasa mengambil maklum bahawa melalui kajian, kadar purata dos sinaran di Projek LAMP adalah 2 mSv setahun untuk pekerja (had dos tahunan dibenarkan adalah 20 mSv setahun) dan 0.002 mSv setahun untuk orang awam (had dos tahunan dibenarkan adalah 1mSv setahun) dan ini menunjukkan bahawa kadar di Projek LAMP adalah rendah dan selamat.

1. **Jawatankuasa mengesyorkan agar pemantauan berterusan aras sinaran (*radiation level*) dijalankan oleh AELB dan Lynas secara berkala di bawah Akta 304 dan peraturan-peraturan di bawahnya seperti Peraturan-peraturan Perlindungan Sinaran (Perlesenan) 1986, Peraturan-peraturan Perlindungan Sinaran (Pengangkutan) 1989, Peraturan-peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010, Peraturan-peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Pengurusan Sisa Radioaktif) 2011 dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan dengannya.**
2. **Jawatankuasa mengesyorkan agar RIA dikemaskinikan di setiap peringkat perlesenan dan dari masa ke semasa berdasarkan saranan Laporan International Atomic Energy Agency (IAEA).**
3. **Jawatankuasa mengesyorkan bahawa keperluan perundangan mengenai pengangkutan bahan radioaktif diselaraskan dengan standard terkini antarabangsa pada suatu masa yang difikir wajar bagi menghilangkan kebimbangan pihak awam mengenai bahaya radioaktif.**
4. **Jawatankuasa mengesyorkan supaya fakta-fakta mengenai perbezaan tahap dos sinaran di LAMP yang lebih rendah dan terkawal berbanding dengan ARE dimaklumkan kepada pihak awam secara meluas.**

Aspek Alam Sekitar

Pencemaran Sungai Balok, pencemaran logam berat, pencemaran air tanah dan pencemaran udara merupakan antara isu yang menjadi kebimbangan pihak awam. Isu penyediaan DEIA dibangkitkan juga oleh beberapa pihak tertentu.

Jawatankuasa mengambil maklum bahawa kajian PEIA telah dijalankan dan diluluskan pada tahun 2008 untuk projek LAMP. Pada ketika itu kajian DEIA tidak diperlukan dalam prosedur EIA. Kajian EIA mendapati bahawa tiada kesan signifikan kepada kualiti udara, kualiti air dan air tanah di sekitar LAMP termasuklah kepada penduduk terdekat. Namun begitu langkah-langkah kawalan yang berkesan perlu diambil bagi mengurangkan pencemaran dan kesan-kesan yang negatif kepada alam sekitar.

5. **Jawatankuasa mengesyorkan agar pemantauan dipertingkatkan oleh JAS di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] dan peraturan-peraturan di bawahnya seperti Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, Peraturan-**

peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 dan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

6. Jawatankuasa mengesyorkan data-data garis dasar alam sekitar dan pemantauan alam sekitar yang dicerap oleh JAS dan Lynas dipaparkan di laman web setiap tiga bulan sekali.
7. Jawatankuasa mengesyorkan audit alam sekitar dijalankan oleh pihak ketiga yang berdaftar dengan JAS bagi menyemak status pematuan LAMP terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] dan peraturan-peraturan di bawahnya, di peringkat operasi LAMP setiap enam bulan sekali.

Aspek Kesihatan Awam

Tahap dedahan sinaran yang boleh menyebabkan bilangan kes kanser dan leukemia meningkat adalah merupakan antara isu kebimbangan pihak awam.

Jawatankuasa mengambil maklum bahawa berdasarkan fakta saintifik, kilang LAMP mempunyai risiko kesihatan yang jauh lebih rendah berbanding aktiviti perlombongan, ARE, loji pemprosesan torium dan loji nuklear.

8. Jawatankuasa mengesyorkan kajian *baseline* kesihatan dimulakan segera meliputi aspek utama seperti bilangan kes leukemia, kanser, *congenital malformation*, asthma dan *Upper Respiratory Tract Infection* (URTI) diterajui oleh KKM. Hasil kajian boleh diterbitkan sebagai dokumen awam.
9. Jawatankuasa mengesyorkan kajian HIA dijalankan serentak dengan kajian RIA di peringkat seterusnya.
10. Jawatankuasa mengesyorkan kajian lanjut kejadian kanser dan leukemia di Bukit Merah dijalankan dengan diterajui oleh KKM dengan kerjasama AELB.
11. Jawatankuasa mengesyorkan bagi tujuan pemantauan berterusan, beberapa siri kajian kohort (iaitu kajian susulan untuk jangka sesuatu tempoh masa tertentu) yang diterajui oleh KKM terhadap kes-kes penyakit yang berkaitan di sekitar Kuantan perlu dijalankan dan sejumlah peruntukan perlu disediakan untuk kajian ini.

Aspek Pengurusan Residu

Pengurusan residu yang terdiri daripada beberapa isu seperti risiko dan bahaya radiasi, penstoran di RSF, penggunaan semula residu (*reuse and recycle*), PDF dan penghantaran balik residu ke sumber asal (*return back to source of origin*) adalah merupakan isu yang menjadi kebimbangan pihak awam.

Jawatankuasa mengambil maklum bahawa pihak LAMP telah mengemukakan cadangan-cadangan dan langkah-langkah yang memenuhi kehendak-kehendak perundangan, standard keselamatan dan prosedur pengurusan residu di peringkat nasional dan antarabangsa.

12. Jawatankuasa mengesyorkan supaya Lynas mengemukakan hasil penyelidikan pengkitaran semula, pengurangan sisa (*waste*

minimization), penggunaan dan pengkomersialan residu yang dihasilkan oleh LAMP dalam tempoh 10 bulan selepas TOL dikeluarkan.

13. Jawatankuasa mengesyorkan semua penggunaan semula residu (*recycle*) hendaklah dipantau oleh AELB dan bahan-bahan yang dihasilkan mestilah di bawah paras 1 Bq/g meskipun terdapat negara-negara seperti UK membenarkan paras 5 Bq/g.
14. Jawatankuasa mengesyorkan supaya pihak Lynas mengemukakan pelan dan lokasi PDF untuk kelulusan AELB dalam tempoh masa lesen dan tidak melebihi 10 bulan daripada tarikh pengeluaran TOL.
15. Jawatankuasa mengesyorkan supaya pihak Lynas mengemukakan DEIA jika pembinaan PDF diteruskan bagi kelulusan JAS yang merangkumi penemuan Radiological Impact Assessment (RIA) sebelum apa-apa permohonan lesen berkaitan PDF dikemukakan kepada AELB.
16. Jawatankuasa mengesyorkan sekiranya penyelidikan pengkitaran semula serta lokasi tidak dapat dikenal pasti atau diluluskan, Lynas hendaklah membawa residu yang dihasilkan oleh LAMP keluar dari Malaysia. Dalam hubungan ini Jawatankuasa mengambil maklum bahawa pihak Lynas Corporation Australia dan Lynas (M) Sdn. Bhd. telah mengemukakan surat masing-masing bertarikh 23 Februari 2012 dan 6 Mac 2012 yang merakamkan komitmen untuk membawa keluar residu LAMP dari Malaysia.
17. Jawatankuasa mengesyorkan AELB mengenakan syarat wajar kepada LAMP untuk mengambil langkah tambahan bagi menjamin perlindungan keseluruhan RSF supaya debu tidak berterbangan ke udara secara bebas atau berlakunya kebocoran ke dalam tanah. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa semua residu akan sentiasa disimpan dalam keadaan 25% - 40% kelembapan.
18. Jawatankuasa mengesyorkan pihak LAMP menghebahkan kepada pihak awam mengenai langkah-langkah kawalan berkesan yang dilaksanakan bagi memastikan RSF beroperasi dan berfungsi dengan selamat.

(B) PROSES KELULUSAN DAN PELESENAN

Keraguan orang awam terhadap pengeluaran lesen kepada LAMP untuk membolehkan ianya beroperasi menjadi pertikaian, sedangkan syarat-syarat yang sepatutnya dipatuhi belum dipenuhi sepenuhnya.

Jawatankuasa mengambil maklum bahawa semua proses pengeluaran lesen yang telah dikeluarkan kepada LAMP adalah teratur dan memenuhi syarat-syarat perundangan malahan telah memenuhi keperluan tambahan prosedur pengeluaran lesen yang dikeluarkan oleh semua agensi berkaitan.

19. Jawatankuasa mengesyorkan supaya Lesen Premis hanya dikeluarkan oleh MPK setelah Lynas memenuhi semua kelulusan dan pengeluaran lesen dari AELB.

(C) MEMPERKASAKAN AGENSI PENGUATKUASA BAGI PROJEK LAMP

Tanggapan oleh pihak awam mengenai keberkesanan penguatkuasaan dalam Projek LAMP.

Jawatankuasa mengambil maklum pengiktirafan IAEA kepada AELB sebagai agensi penguatkuasa dalam Projek LAMP termasuk penglibatan agensi penguatkuasa lain dari peringkat awal sehingga ke pengoperasian LAMP.

20. Jawatankuasa mengesyorkan berdasarkan kepada beban dan bidang tugas tambahan AELB yang bertambah luas, struktur perjawatan dan peruntukan kewangan AELB perlu dimantapkan lagi secara khas.
21. Jawatankuasa juga mengesyorkan supaya agensi penguatkuasa lain yang mengawalselia projek LAMP khususnya JAS, MPK dan DOSH turut diperkasakan sama dengan saranan di atas.
22. Jawatankuasa mengesyorkan supaya penubuhan pejabat cawangan JAS dan AELB masing-masing bertempat di kawasan perindustrian Gebeng disegerakan untuk memenuhi keperluan pengawalseliaan dan pemantauan lebih responsif.
23. Jawatankuasa mengesyorkan satu Jawatankuasa Penyelaras Penguatkuasaan ditubuhkan bagi LAMP yang dipengerusikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan iaitu MPK dan dianggotai oleh AELB, JAS, DOSH dan KKM.

(D) PELABURAN DAN SOSIO-EKONOMI

Persepsi bahawa tiada faedah ekonomi kepada negara kerana diberi insentif selama 12 tahun.

Jawatankuasa mengambil maklum faedah-faedah ekonomi yang diperolehi daripada projek LAMP iaitu jumlah pelaburan sebanyak RM2.5 bilion, pengwujudan peluang-peluang pekerjaan, pemindahan teknologi, penggunaan utiliti, menarik pelaburan baru dalam sektor hiliran berteknologi tinggi dan *spin-off* kepada industri sokongan hulu tempatan. Pemilihan LAMP di Malaysia adalah berdasarkan pertimbangan komersial dan dasar pelaburan Malaysia.

Projek Lynas akan membelanjakan sebanyak 1 peratus daripada jumlah jualan kasar setahun untuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

24. Jawatankuasa mengesyorkan supaya 1 peratus perbelanjaan R&D daripada jualan kasar syarikat setiap tahun yang disyaratkan, 50 peratus daripadanya untuk melaksanakan aktiviti R&D diselia oleh sebuah jawatankuasa yang akan ditubuhkan manakala 50 peratus lagi untuk aktiviti R&D pengurusan residu diselia oleh AELB.
25. Jawatankuasa mengesyorkan supaya kesemua aktiviti R&D yang berkaitan dengan nadir bumi dijalankan di Malaysia.
26. Jawatankuasa mengesyorkan penglibatan pengusaha tempatan untuk menceburi bidang industri hiliran berteknologi tinggi yang menggunakan produk nadir bumi.
27. Jawatankuasa mengesyorkan penggalakkan aktiviti R&D di Pusat-pusat Pengajian Tinggi tempatan berkaitan dengan teknologi nadir bumi dan pengurusan residu berkaitan.

28. Jawatankuasa mengesyorkan apabila terdapatnya industri tempatan yang menggunakan produk projek LAMP sebagai bahan mentah wujud di negara ini, langkah-langkah sewajarnya seperti memperkenalkan cukai eksport dilaksanakan. Ini dapat memastikan bekalan bahan mentah bagi industri tempatan adalah mencukupi.

(E) **SALURAN KOMUNIKASI DAN PENYEBARAN MAKLUMAT**

Maklumat dan penerangan yang kurang kepada pihak awam mengenai cadangan projek LAMP .

Jawatankuasa mengambil maklum bahawa aktiviti *public engagement* telah dijalankan oleh pihak LAMP.

Jawatankuasa mengambil maklum pelbagai aktiviti *engagement* bersama pelbagai kumpulan masyarakat telah diadakan dalam menyalurkan informasi berkenaan projek LAMP oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan. Lynas juga telah menerima lawatan orang ramai ke tapak projek bagi memberi penerangan sebenar mengenai projek dan teknologi yang digunakan bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pihak awam dan alam sekitar.

29. Jawatankuasa mengesyorkan bagi mempertingkatkan ketelusan, pihak LAMP perlu menyediakan akses kepada orang awam, badan profesional, kumpulan wakil penduduk atau pihak berkepentingan, NGOs untuk mendapatkan maklumat dan data pemantauan / pengawasan secara atas talian (online) dan mengadakan paparan bacaan semasa kualiti udara dan kualiti air di hadapan premis LAMP.

30. Jawatankuasa mengesyorkan aktiviti-aktiviti penglibatan orang awam dipertingkatkan seperti saranan IAEA bagi penyebaran maklumat seperti berikut:

- a) Membangun dan menyediakan maklumat penglibatan awam mengenai keselamatan sinaran yang lebih mudah difahami dan langkah-langkah dalam proses perlesenan dan proses membuat keputusan;
- b) Memaklum dan melibatkan pihak yang berkepentingan dan yang terlibat berhubung keperluan pengawalseliaan LAMP dan program untuk kajian semula, pemeriksaan dan penguatkuasaan;
- c) Menyediakan secara rutin semua maklumat yang berkaitan dengan keselamatan LAMP dan memastikan bahawa orang awam tahu bagaimana untuk mendapat akses kepada maklumat ini; dan
- d) Lynas sebagai pihak yang bertanggungjawab terhadap keselamatan LAMP perlu digesa untuk meningkatkan komunikasi dengan pihak-pihak berkepentingan untuk menunjukkan bagaimana syarikat memastikan keselamatan radiologi dan alam sekitar.

31. Jawatankuasa mengesyorkan supaya MITI / MIDA menimbangkan keperluan untuk mengenakan syarat *public engagement* kepada syarikat bagi projek yang melibatkan bahan radioaktif yang tertakluk kepada keperluan RIA daripada AELB dari peringkat awal.

RUMUSAN PSC

- 1) Jawatankuasa berpuas hati bahawa berdasarkan fakta-fakta saintifik, takrifan undang-undang dan maklumat yang diperolehi daripada pakar-pakar, projek LAMP adalah merupakan kilang kimia yang menghasilkan nadir bumi dan bukannya loji nuklear atau aktiviti perlombongan. Jawatankuasa juga mendapati projek LAMP akan menggunakan teknologi termaju.
- 2) Jawatankuasa berpuas hati bahawa projek LAMP telah memenuhi keperluan standard dan perundangan di Malaysia yang setaraf dengan amalan dan standard antarabangsa. Malahan, terdapat peruntukan undang-undang dan standard yang dikenakan ke atas projek LAMP adalah lebih ketat berbanding standard antarabangsa.
- 3) Jawatankuasa berpuas hati bahawa projek LAMP telah menyediakan sistem kawalan yang diperlukan seperti yang telah ditetapkan di dalam perundangan kebangsaan dan standard antarabangsa bagi memastikan keselamatan dan kesihatan awam serta perlindungan alam sekitar untuk kilang beroperasi sementara.
- 4) Jawatankuasa mengesyorkan agar lesen Kelas A (Mengilang-Peringkat Pengendalian Sementara) atau (Temporary Operating Licence – TOL) dikeluarkan supaya projek LAMP dapat mengilang bahan mentah pekatan lantanid secara berperingkat dan terhad serta dikawalselia secara berterusan oleh agensi penguatkuasa. Di peringkat ini, LAMP perlu mematuhi kesemua syarat-syarat lesen yang lazim dan syarat-syarat tambahan yang telah dikenakan di dalam lesen TOL ini. Data yang diperolehi di peringkat ini akan menjadi asas kepada pertimbangan proses perlesenan selanjutnya.
- 5) Jawatankuasa mengesyorkan satu jawatankuasa pemantauan (monitoring committee) dibentuk bagi memantau secara berterusan operasi LAMP. Jawatankuasa ini hendaklah dianggotai oleh agensi-agensi berkaitan serta penglibatan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGOs) dan pakar bertauliah.
- 6) Jawatankuasa mengesyorkan supaya kesemua **31 syor** yang telah dikemukakan ini dilaksanakan sewajarnya.

Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen syor lesen Kelas A untuk projek Lynas (Utusan Malaysia Online 19 Jun 2012)

KUALA LUMPUR 19 Jun - Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC) mengenai projek Lynas Advanced Materials Plant (LAMP) mengesyorkan lesen Kelas A - mengilang peringkat pengendalian sementara (TOL) dikeluarkan supaya projek tersebut dapat mengilang bahan mentah pekatan lantanid secara berperingkat dan terhad.

Syor berkenaan merupakan antara 31 syor yang dikemukakan jawatankuasa terbabit berhubung projek nadir bumi itu.

Pengerusinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, selain pengilangan bahan mentah secara berperingkat dan terhad, ia juga bagi membolehkan projek itu dikawal selia secara berterusan agensi penguat kuasa.

Jelasnya, di peringkat itu, LAMP perlu mematuhi semua syarat-syarat lesen yang lazim dan syarat-syarat tambahan yang telah dikenakan lesen TOL tersebut. "Data yang diperolehi di peringkat itu akan menjadi asas kepada pertimbangan proses perlesenan selanjutnya," katanya ketika membentangkan penyata PSC mengenai projek LAMP di Dewan Rakyat hari ini.

Mohamed Khaled menambah, jawatankuasa berpandangan terdapat kebimbangan awam tentang ketelusan proses pengeluaran lesen kepada pihak projek LAMP. Oleh itu, jelasnya, jawatankuasa berpendapat semua aspek permohonan oleh projek LAMP harus berdasarkan pendedahan penuh dan menyeluruh bagi memastikan aspek perlesenan dilaksanakan secara telus dan berwibawa.

"Jawatankuasa mengambil maklum semua proses pengeluaran lesen kepada projek LAMP adalah teratur dan memenuhi syarat perundangan dan kerangka peraturan yang berkuat kuasa.

"Jawatankuasa juga dimaklumkan projek LAMP telah dikehendaki memenuhi syarat dan keperluan tambahan prosedur pengeluaran lesen yang dikeluarkan oleh semua agensi berkaitan," katanya.

Beliau berkata, pada 24 Ogos 2008, projek LAMP diberi lesen pengilang di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 berkuat kuasa mulai 22 Januari 2008 untuk beroperasi di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan bagi keluaran nadir bumi oksida dan karbonat yang dikategorikan di bawah keluaran kimia. Katanya, lesen itu dikeluarkan setelah mendapat kelulusan laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan kelulusan tapak daripada kerajaan negeri Pahang.

"Projek LAMP juga telah memperoleh kelulusan Pelan Pengurusan Alam Sekitar daripada JAS Pahang pada 10 Disember 2008 bagi fasa pembinaan dan pada 23 Disember 2011 bagi fasa operasi.

"Permohonan kebenaran merancang adalah mengikut peruntukan Seksyen 21 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 bagi tujuan memastikan sebarang pembangunan yang dicadangkan selaras dengan rancangan pihak berkuasa tempatan, Majlis Perbandaran Kuantan (MPK)," katanya.

Beliau berkata, pada 13 Mei tahun lalu, kerajaan mengumumkan pelantikan panel pakar bebas antarabangsa dari Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) bagi mengkaji semula aspek kesihatan dan keselamatan projek Lynas berikutan kebimbangan mengenai projek itu yang disuarakan orang awam.

Laporan IAEA itu, katanya, telah disiarkan kepada umum pada 30 Jun tahun lalu dan cadangan penambahbaikan telah dikemukakan kepada kerajaan termasuk Lynas dan dilaksanakan.

"Jawatankuasa merumuskan projek LAMP telah mematuhi semua keperluan yang diperuntukkan di bawah rangka peraturan dan undang-undang negara yang berkuat kuasa.

"Namun, jawatankuasa mengesyorkan Lesen Premis hanya dikeluarkan oleh MPK kepada Lynas setelah memenuhi semua kelulusan dan pengeluaran lesen daripada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB)," katanya.

Projek LAMP bukan loji nuklear - PSC

KUALA LUMPUR 19 Jun - Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC) mengenai projek Lynas Advanced Materials Plant (LAMP) mengulangi penegasan bahawa projek itu adalah projek pemprosesan bahan berasaskan kimia dan bukan loji nuklear.

Pengerusinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, melalui anggaran saintifik, kadar purata dos sinaran bagi pekerja dan pengendali di tapak projek LAMP adalah sekitar dua milisieverts (mSv) setahun berbanding had dos tahunan yang dibenarkan iaitu 20 mSv setahun.

Menurutnya, bagi orang awam pula anggaran dos sinaran adalah 0.002 mSv setahun berbanding had dos dibenarkan iaitu 1 mSv.

"Ini menunjukkan kadar dos sinaran di projek LAMP berdasarkan piawaian yang diterima pakai adalah rendah dan selamat. Proses kilang projek LAMP adalah tertumpu dan melibatkan tindak balas kimia dan fizikal dalam menghasilkan lanthanum dan tiada sama sekali unsur tindak balas nuklear.

"Jawatankuasa berpandangan terdapat kebimbangan serius dalam kalangan orang ramai terhadap pendedahan sinaran. Kebimbangan itu timbul kerana wujud persepsi operasi projek LAMP adalah sama seperti operasi loji nuklear atau seumpamanya.

"Perbandingan mereka juga selalu menjurus kepada masalah di kilang Asian Rare Earth (ARE) di Bukit Merah," katanya ketika membentangkan penyata PSC mengenai LAMP di Dewan Rakyat hari ini.

Mohamed Khaled berkata, jawatankuasa juga dimaklumkan bahan mentah yang akan digunakan kilang Lynas tidak ditakrifkan sebagai bahan radioaktif tetapi sebagai bahan yang mengandungi unsur radioaktif semula jadi (NORM). Sehubungan itu, ujarinya, sisa daripada projek LAMP juga ditakrifkan bukan sisa radioaktif tetapi sebagai sisa yang mengandungi NORM.

"Amalan di kebanyakan negara lain kecuali di Malaysia adalah bahan NORM yang mengandungi uranium dan torium adalah tidak dikawal dan dilabelkan sebagai bahan radioaktif. Tetapi di Malaysia, NORM adalah dalam kawal selia Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) berdasarkan Peraturan-Peraturan Perlindungan Sinaran (Pengangkutan) 1989.

"Malaysia memperkenalkan peraturan yang lebih ketat daripada standard antarabangsa," ujarinya.

Namun katanya, sebagai langkah meningkatkan keyakinan awam, jawatankuasa mencadangkan pemantauan berterusan ke atas aras sinaran dijalankan oleh AELB dan Lynas secara berkala.

Tambahnya, ia seperti yang diperuntukkan di bawah Akta 304 dan Peraturan-Peraturan Perlindungan Sinaran (Perlesenan) 1986; Peraturan-Peraturan Perlindungan Sinaran (Pengangkutan) 1989 dan Peraturan-Peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Pengurusan Sisa Radioaktif) 2011.

Syor lain ialah penilaian kesan radiologikal dikemas kini di setiap peringkat perlesenan dan dari semasa ke semasa berdasarkan saranan laporan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA).

"Kita mencadangkan fakta-fakta mengenai perbezaan tahap dos sinaran di projek LAMP yang lebih rendah dan terkawal berbanding dengan projek ARE dimaklumkan kepada umum secara lebih meluas," katanya.

Pakatan MPs fall silent after PAS man's contradictory stance (The Star Online, 19 June 2012)

KUALA LUMPUR: Pakatan Rakyat MPs were stunned when PAS MP for Hulu Langat Dr Che Rosli Che Mat interrupted a debate in Parliament by PKR MP for Batu Tjan Chua on the Lynas Advanced Materials Plant, pointing out that the external radiation from the plant was low and safe.

He said that as a nuclear scientist, he knew the radiation from rare earth material was well below the permissible level.

	<i>His statement contradicted that of Tian Chua, who had claimed that the Parliamentary Select Committee (PSC) report on Lynas had failed to reveal the risks of allowing the plant to operate in Gebeng, Kuantan.</i> <i>“However, views on other matters such as management of residue, I leave it to other experts,” said <u>Dr Che Rosli</u>.</i> <i>Several Opposition MPs, who had stood up to criticise the PSC’s report on Lynas, fell silent.</i> <i>Tian Chua continued, questioning the 12-year tax exemption granted to Lynas. <u>Datuk Abdul Rahman Dahlan</u> (BN-Kota Belud) said Tian Chua’s criticism were all based on imagination and not facts.</i> <i>International Trade and <u>Industry Minister Datuk Seri Mustapa Mohamed</u> explained that Lynas was given the 12-year tax break because it was a strategic industry.</i> <i>Meanwhile, various anti-Lynas groups have rejected the PSC report, saying it did not address key issues.</i> <i>Save Malaysia, Stop Lynas <u>chairman Tan Bun Teet</u> said the recommendation by the PSC was not binding on Lynas before being given the temporary operating licence.</i> <i>The Stop Lynas Coalition also said the panel did not address the issue of waste disposal. It planned to hold another demonstration in Gebeng over the weekend.</i>
21 Jun 2012	Jabatan AELB telah mengemukakan surat kepada YB Menteri MOSTI melalui surat rasmi bertajuk “Rayuan Di Bawah Seksyen 32, Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304)” rujukan LPTA(S):TAD/006/1. Surat ini memaklumkan tindakan yang telah diambil oleh Lembaga seperti:- (i) Memaklumkan mengenai 2 syarat-syarat tambahan yang telah diputuskan oleh YB Menteri MOSTI sepertimana hasil daripada keputusan rayuan (oleh kumpulan anti Lynas) mesti dipatuhi oleh Lynas disamping mengambil tindakan susulan yang sewajarnya oleh Lynas dan (ii) Lesen TOL hanya dikeluarkan sekiranya Lembaga berpuas hari sekiranya 2 syarat-syarat tambahan dipatuhi sepenuhnya oleh Lynas.
4 Julai 2012	Jemaah Menteri memutuskan agar Lynas perlu membawa keluar residu daripada negara setelah pemprosesan nadir bumi <u>Nota:</u> Lynas Corporation Ltd., Australia dan Lynas Malaysia Sdn. Bhd. telah mengemukakan surat masing-masing bertarikh 23 Februari 2012 dan 6 Mac 2012 yang merakamkan komitmen untuk membawa keluar residu LAMP dari Malaysia, jika perlu.
10 Julai 2012	Syarikat Lynas Malaysia telah mengemukakan surat rasmi (susulan surat pertama pada 19 Jun 2012, 28 Jun 2012 dan 04 Julai 2012), rujukan LMSB-SHE-L-10072012-AELB-57; bertajuk “Fulfillment Of Two Additional Conditions To The License Conditions Of Lynas (M) Sdn. Bhd.” Lynas telah mengemukakan maklumat tambahan berkenaan iaitu satu lagi kaedah immobilisasi iaitu:- (i) Synthetic Aggregate (ii) Panel Konkrit Geopolimer
13 Julai 2012	Jabatan AELB telah menerima surat rasmi kepada Lynas rujukan LMSB-SHE-L-13072012-AELB-60 bertajuk “Laporan Penyelidikan Synthetic Aggregate Yang

	Menggunakan Residu Lynas". Bersama-sama dengan surat ini, Lynas telahpun mengemukakan 2 dokumen tambahan berkenaan dengan kaedah imobilisasi. Dokumen tersebut adalah seperti berikut:- (a) <i>Preliminary Treatment Study Of Iron Phosphate Gypsum Residue As An Additive In Road Base Materials</i> dan (b) <i>Limed WLP Development Program For The Use As A Supplemental Aggregate In The Manufacturing Of Concrete.</i>
01 Ogos 2012 Mesyuarat Jemaah Menteri	Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 1 Ogos 2012 bersetuju supaya Lynas membuat sidang media untuk mengumumkan komitmen syarikat untuk mengeksport ke luar negara residu dalam bentuk produk komersial, 1 – 2 hari sebelum LPTA membuat pengumuman mengenai pengeluaran TOL. <u>Nota:</u> <u>Isu Pengeluaran Temporary Operating License (TOL)</u> • Lynas telah menjalankan R&D dan telah memaklumkan kejayaan menghasilkan produk komersial daripada residu WLP projek LAMP di peringkat skala "pilot". • Lynas juga telah memenuhi 2 syarat khas yang ditetapkan oleh YB Menteri MOSTI iaitu kaedah <i>Thorium Immobilization</i> dan Pelan Tindakan Kecemasan Bekalan Air Kontingensi. • Berdasarkan kepada perkembangan ini Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) bersedia untuk menimbang pengeluaran TOL yang telah diluluskan pada 30 Januari 2012 kepada syarikat Lynas. • MITI akan memastikan pelan komunikasi dan engagement seperti di Lampiran 1 dilaksanakan serta merta bagi menangani reaksi orang ramai berikutan keputusan LPTA mengeluarkan TOL. <u>Proses Mengeksport Residu ke Luar Negara</u> • Permohonan syarikat Lynas untuk mengekalkan terminologi residu telah tidak diterima oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) kerana ianya tidak selaras dengan definisi di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 . • Syarikat dikehendaki memenuhi kesemua prosedur yang telah ditetapkan di bawah perundangan berkaitan dengan pengurusan sisa. • LPTA dan JAS akan mempertimbangkan dan memfasilitasi proses kelulusan dilaksanakan dengan secepat mungkin. <u>Tindakan susulan</u> • Prosedur yang perlu dijalankan oleh syarikat Lynas sebaik sahaja residu dihasilkan adalah seperti berikut: (a) menurunkan tahap kepekatan keradioaktifan <i>thorium</i> dalam residu daripada 6 Bq/g kepada atau kurang daripada 1Bq/g melalui proses <i>dilution</i>; (b) sebelum pemprosesan residu kepada produk komersil bermula, Lynas perlu mendapatkan kebenaran JAS bagi memproses residu terbabit kerana ia tergolong dalam bahan buangan terjadual; dan

	(c) selepas pemprosesan residu kepada produk komersil, ia bukan lagi tergolong sebagai <i>waste</i>/residu dan boleh dieksport. ● Lynas akan memulakan proses pembinaan loji pemprosesan residu sebaik sahaja TOL dikeluarkan. ● Lynas juga perlu: (a) meminda aktiviti dalam tujuan pelesenan LPTA (pengkomersilan residu WLP) yang bersesuaian dengan aktiviti yang hendak dijalankan; (b) menyediakan <i>Supplementary Detailed Environmental Impact Assessment</i> (DEIA) bagi aktiviti penghasilan produk komersial daripada residu; (c) memohon pindaan kepada lesen pengilang daripada MIDA untuk menambah senarai produk yang akan dikeluarkan.
03 September 2012 ML Bil 5/2012 (Khas)	Mesyuarat dimaklumkan bahawa, Lembaga dalam mesyuaratnya yang ke-73 pada 30 Januari 2012 yang lalu telah memutuskan agar permohonan TOL oleh Lynas, diluluskan tertakluk kepada beberapa syarat. Walaubagaimanapun, sehingga kini TOL belum lagi dikeluarkan kerana Lynas perlu mematuhi syarat yang dibuat di bawah Akta 304 dan perundangan subsidiarinya. Syarat yang dimaksudkan oleh Lembaga adalah termasuk syarat lazim, syarat tambahan oleh Lembaga dan syarat khas yang diperintah oleh YB Menteri MOSTI. Mesyuarat telah membuat penelitian dan penilaian semula terhadap permohonan TOL oleh Lynas dan berpuashati bahawa Lynas telah mematuhi semua aspek teknikal, termasuk kaedah kawalan debu serta imobilisasi bahan radioaktif dalam residu, dan keperluan perundangan yang ditetapkan. Lembaga sedia maklum bahawa Lynas telah membuat komitmen untuk membawa residu <i>Water Leach Purification</i> (WLP) yang terhasil dalam projek LAMP keluar daripada Malaysia. Sehubungan itu, Lembaga telah memutuskan untuk mengeluarkan TOL bersekali dengan Lesen Kelas E (import atau eksport) dan Kelas G (penstoran sebelum pelupusan) bagi membolehkan Lynas mengimport pekatan lanthanid dan menstor residu secara sementara bagi tempoh 2 tahun berkuatkuasa dari 3 September 2012 sehingga 2 September 2014. Lembaga juga bersetuju dengan syor "<i>Discretionary Measures</i>" oleh Setiausaha Eksekutif supaya bila lesen dikeluarkan, pihak Lynas dipastikan memenuhi dua daripada lima baki syarat tambahan yang ditetapkan oleh Lembaga seperti berikut: a. Lynas membayar ansuran pertama atau sebahagian daripada USD 10 juta bagi syarat jaminan kewangan kepada Kerajaan Malaysia yang berjumlah besar sebanyak USD 50 juta; dan b. Lynas menanggung semua kos perkhidmatan penilai pihak ketiga bebas (<i>independent third-party assessor</i>), Lloyds Register, untuk menilai kepatuhan Lynas terhadap standard dan peraturan yang ditetapkan. Bagi tujuan ini Lembaga akan mengawal permit import bahan mula pekatan lanthanid dan juga kemasukannya (<i>introduction</i>) kepada loji pemprosesan sehingga syarat di atas dipenuhi. Memandangkan Lynas memberi komitmen melalui pengisytiharannya untuk membawa keluar residu WLP dari Malaysia, oleh itu Lembaga bersetuju untuk tidak menguatkuasakan syarat keperluan mengemukakan pelan dan lokasi PDF dalam

tempoh 10 bulan selepas tarikh pengeluaran lesen TOL sekiranya kenyataan dan komitmen di atas dipenuhi.																																					
05 September 2012 Keputusan Lembaga – Pengeluaran TOL di laman web AELB	1) Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (Lembaga) dalam mesyuaratnya pada 30 Januari 2012 telah memutuskan agar permohonan Lesen Pengendalian Sementara (TOL) Syarikat Lynas (Malaysia) Sdn. Bhd. (Lynas), diluluskan tertakluk kepada beberapa syarat. Walau bagaimanapun, TOL tidak dikeluarkan kerana Lynas perlu mematuhi syarat tambahan yang dibuat di bawah Akta 304 dan perundangan subsidiarinya. 2) Lembaga dalam mesyuaratnya pada hari Isnin, 3 September 2012, telah berpuashati bahawa Lynas telah mematuhi semua aspek teknikal, termasuk kaedah kawalan debu serta imobilisasi bahan radioaktif dalam residu, dan keperluan perundangan yang ditetapkan. Lembaga juga mengambil maklum bahawa Lynas telah membuat komitmen untuk membawa residu <i>Water Leach Purification</i> (WLP) yang terhasil dalam projek LAMP keluar daripada Malaysia dalam bentuk produk komersial. Sehubungan itu, Lembaga telah memutuskan untuk mengeluarkan TOL kepada Lynas bagi tempoh 2 tahun berkuat kuasa dari 3 September 2012 sehingga 2 September 2014. TOL ini akan membolehkan Lynas sebagai percubaan mengilang bahan mentah pekatan lanthanid secara berperingkat dan terhad serta dikawalselia secara berterusan oleh agensi penguatkuasa.																																				
06 September 2012	Jabatan AELB telah menerima surat rasmi daripada Lynas rujukan LMSB-SHE-L-060912-AELB-64 bertajuk “Jaminan Kewangan-Cagaran Bagi Lesen”. Di dalam surat ini pihak Lynas Malaysia memaklumkan bahawa mereka sedang membuat persediaan bagi pembayaran ansuran pertama berjumlah Ringgit Malaysia: Tiga Juta Dua Ratus Ribu (3, 200,000.00) melalui cek bank HSBC (no cek: 001346). Lynas Malaysia juga memaklumkan cek akan dikemukakan melalui pos (kurier). Lynas Malaysia juga memaklumkan pembayaran seterusnya akan dibuat berdasarkan jumlah bahan mentah yang dibawa masuk dan mengikut ketetapan dibawah: <table><tr><th colspan="3">Tahun pertama lesen TOL</th></tr><tr><th><u>Bulan</u></th><th><u>Jumlah bahan mentah</u></th><th><u>Cagaran lesen</u></th></tr><tr><td>Disember 2012</td><td>4500MT</td><td>: USD 1.3 Juta</td></tr><tr><td>Mac 2013</td><td>7500MT</td><td>: USD 2.1 Juta</td></tr><tr><td>Jun 2013</td><td>9100MT</td><td>: USD 2.5 Juta</td></tr><tr><td>September 2013</td><td>14500MT</td><td>: USD 3.1 Juta</td></tr></table> <table><tr><th colspan="3">Tahun kedua lesen TOL</th></tr><tr><th><u>Bulan</u></th><th><u>Jumlah bahan mentah</u></th><th><u>Cagaran lesen</u></th></tr><tr><td>Disember 2013</td><td>16000MT</td><td>: USD 2.5 Juta</td></tr><tr><td>Mac 2014</td><td>16000MT</td><td>: USD 2.5 Juta</td></tr><tr><td>Jun 2014</td><td>16000MT</td><td>: USD 2.5 Juta</td></tr><tr><td>September 2014</td><td>16000MT</td><td>: USD 2.5 Juta</td></tr></table> PT 17212, Jalan Gebeng 3, Kawasan Perindustrian Gebeng, 26080 Balok, Kuantan, Pahang, MALAYSIA T: +60 9 582 5200 F: +60 9 582 5291 W: www.lynascorp.com	Tahun pertama lesen TOL			<u>Bulan</u>	<u>Jumlah bahan mentah</u>	<u>Cagaran lesen</u>	Disember 2012	4500MT	: USD 1.3 Juta	Mac 2013	7500MT	: USD 2.1 Juta	Jun 2013	9100MT	: USD 2.5 Juta	September 2013	14500MT	: USD 3.1 Juta	Tahun kedua lesen TOL			<u>Bulan</u>	<u>Jumlah bahan mentah</u>	<u>Cagaran lesen</u>	Disember 2013	16000MT	: USD 2.5 Juta	Mac 2014	16000MT	: USD 2.5 Juta	Jun 2014	16000MT	: USD 2.5 Juta	September 2014	16000MT	: USD 2.5 Juta
Tahun pertama lesen TOL																																					
<u>Bulan</u>	<u>Jumlah bahan mentah</u>	<u>Cagaran lesen</u>																																			
Disember 2012	4500MT	: USD 1.3 Juta																																			
Mac 2013	7500MT	: USD 2.1 Juta																																			
Jun 2013	9100MT	: USD 2.5 Juta																																			
September 2013	14500MT	: USD 3.1 Juta																																			
Tahun kedua lesen TOL																																					
<u>Bulan</u>	<u>Jumlah bahan mentah</u>	<u>Cagaran lesen</u>																																			
Disember 2013	16000MT	: USD 2.5 Juta																																			
Mac 2014	16000MT	: USD 2.5 Juta																																			
Jun 2014	16000MT	: USD 2.5 Juta																																			
September 2014	16000MT	: USD 2.5 Juta																																			
06 September 2012 3rd party Assessor – Persetujuan penerimaan (1) & komitmen untuk tanggung kos	Jabatan AELB telah menerima surat rasmi daripada Lynas bertajuk “Kos Bagi Perkhidmatan Penilai Pihak Ketiga (Independant Third-Party Assessor)”. Tarikh surat: 06 Sept 2012, rujukan LMSB-SHE-L-060912-AELB-65 Di dalam surat ini, pihak Lynas Malaysia memaklumkan bahawa 1) pihak mereka bersedia memberi komitmen sepenuhnya untuk menanggung kos perkhidmatan penilai pihak ketiga sepertimana syarat lesen no. 44.1.																																				

	2) Lynas Malaysia juga menekankan bahawa kos perkhidmatan yang bakal dibayar ini perlu berpatutan (reasonable), verifikasi yang dilakukan berdasarkan keperluan serta pendekatan secara rawak (sampling approach); di mana cadangan perkhidmatan perlulah dibuat secara profesional dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak. 3) Kos juga perlu bergantung kepada cadangan perkhidmatan yang sedang disemak oleh pihak Llyods Register.
10 September 2012 Bayaran bagi Cagaran Bagi Lesen - Pertama	Jabatan AELB telah menerima surat rasmi daripada Lynas bertajuk “ Lynas Advanced Materials Plant – Permanent Disposal Facility”. Tarikh surat adalah 06 September 2012 Di dalam surat ini pihak Lynas Malaysia memaklumkan bahawa mereka telahpun menyediakan cek bagi pembayaran ansuran pertama cagaran bagi lesen berjumlah Ringgit Malaysia: Tiga Juta Dua Ratus Ribu (RM 3, 200,000.00) melalui cek bank HSBC (no cek: 001346).
18 Disember 2012	Jabatan AELB telahpun mengeluarkan surat rasmi kepada Lynas bertajuk “Komitmen Lynas Malaysia Sdn. Bhd. Bagi penyediaan pelan PDF projek LAMP sepertimana syarat-syarat lesen LPTA/A/1333 – Kelas A – Pengilangan (Peringkat Pengendalian Sementara)” rujukan : LPTA(S):P&P/026/666.Klt.14(10). Surat ini memaklumkan tarikh akhir (due date) Lynas perlu mengemukakan kepada AELB semua keperluan penyediaan perkara berkaitan dengan PDF. Tarikh akhir tersebut adalah pada 03 Julai 2013.
26 Disember 2012 Bayaran bagi membawa masuk pekatan lantanid (kali pertama)	Jabatan AELB telah menerima surat rasmi daripada Lynas bertajuk “Jaminan Kewangan-Cagaran Bagi Lesen”. Tarikh surat adalah 26 Disember 2012; rujukan: LMSB-SHE-L-261212-84. Di dalam surat ini pihak Lynas Malaysia memaklumkan bahawa mereka telahpun menyediakan cek bagi pembayaran ansuran membawa masuk pekatan lantanid (kali pertama) berjumlah Ringgit Malaysia: Dua juta lapan puluh ribu (RM 2, 080,000.00) melalui cek bank HSBC (no cek: 001493).
TAHUN 2013	
08 Januari 2013 Tiada apa-apa halangan untuk R&D residu (WLP)	Jabatan AELB telahpun mengeluarkan surat rasmi kepada Lynas bertajuk “Pemberitahuan Pembinaan loji pilot Plant limed-WLP And Synthetic Aggregate di tapak LAMP, Gebeng, Kuantan, Pahang”. Tarikh surat: 08 Januari 2013, rujukan : LPTA(S):P&P/026/666.Klt.14. Surat ini telahpun memaklumkan bahawa Jabatan AELB tiada apa-apa halangan kepada pihak lynas untuk menjalankan projek pembinaan loji pilot plant (selaras dengan ketetapan Syarat lesen no. 33) bagi tujuan kajian penyelidikan dan pembangunan (research & development, R&D) terhadap residu-residu yang dihasilkn oleh kilang Lynas. Bagi R&D ini, aggregate sintetik dalam skala percubaan sebelum dikomersilkan adalah seperti berikut:-
31 Mac 2013	Lynas mengemukakan dokumen Pelan dan Lokasi PDF sebagai memenuhi sebahagian syarat TOL yang ditetapkan oleh lembaga
30 April 2013	Mesyuarat JK Teknikal 1/2013 bagi membincangkan dokumen Pelan dan Lokasi PDF Lynas. JK bersetuju dengan perancangan PDF (dengan pindaan) namun bagi lokasi PDF JK memutuskan bahawa Lynas masih tidak mematuhi syarat tersebut.
7 Mei 2013	Mesyuarat lembaga ke-76 bil 1/2013 memutuskan: “Tarikh akhir untuk Lynas mengemukakan maklumat teknikal mengenai pelan dan lokasi PDF adalah pada 3 Julai 2013, iaitu 10 bulan dari tarikh TOL dikeluarkan.

	Mesyuarat juga bersetuju supaya Lynas menghantar perancangan awal berhubung perancangan dan lokasi PDF pada Jun 2013 dan maklumat lengkap mengenainya perlu dikemukakan dalam tempoh 3 bulan selepas tarikh akhir untuk mengemukakan maklumat teknikal tersebut”.
16 Mei 2013	Mesyuarat JK Teknikal 2/2013 bagi membincangkan kali ke-2 dokumen Pelan dan Lokasi PDF Lynas. JK telah memuktamadkan ulasan ke atas dokumen perancangan PDF namun bagi lokasi PDF JK memutuskan bahawa Lynas masih tidak mematuhi syarat tersebut.
2 Julai 2013	Lynas mengemukakan dokumen pindaan Pelan PDF (mengikut saranan JK Teknikal) dan dokumen Lokasi PDF (PDF Siting). Lynas juga mengemukakan keputusan hasil kajian pilot plant bagi penukaran residu WLP kepada produk yang akan digunakan sebagai asas bahan binaan membuat jalan (RB-10). Ujian ketahanan bahan sebagai asas membuat jalan diuji oleh IKRAM, ujian keradioaktifan dibuat oleh ANM dan ujian ciri fizikal dan ketoksikan dibuat oleh ERALab Sdn. Bhd.
17 Oktober 2013	Mesyuarat lembaga khas (1/2013) membincangkan permohonan Lynas mengenai Dokumen pelan dan lokasi serta keputusan R&D penukara WLP kepada sintetik agregat yang perlu dikemukakan dalam tempoh 10 bulan dari tarikh TOL serta permohonan Lynas untuk pelepasan residu NUF dan FGD daripada kawalan lembaga. Lembaga memutuskan: a. Lembaga membuat pertimbangan dan “bersetuju untuk residu NUF dan FGD dikeluarkan daripada kawalan lembaga mengikut peruntukan Akta 304” b. Lembaga bersetuju dengan syor urusetia [Dokumen pelan dan lokasi PDF telah memenuhi keperluan minimum syarat TOL (tertakluk kepada pindaan seepertimana saranan JK Teknikal)] dengan galakan kepada Lynas untuk mengadakan rundingan awam (public engagement) dengan lebih aktif c. “ Analisa awal mendapati keputusan RB-10 adalah di bawah had kawalan mengikut Peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Pengurusan Sisa Radioaktif) 2011, walau bagaimanapun, lembaga masih dalam proses pertimbangan sehingga keputusan penuh diperolehi.
24 Oktober 2013	Surat AELB kepada Lynas memaklumkan keputusan lembaga mengenai: a. 1. Dokumen pelan dan lokasi PDF telah memenuhi keperluan minimum syarat TOL (tertakluk kepada pindaan sepertimana ulasan JK Teknikal) dengan galakan kepada Lynas untuk mengadakan rundingan awam (public engagement) dengan lebih aktif. b. Analisa awal mendapati keputusan RB-10 adalah di bawah had kawalan mengikut Peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Pengurusan Sisa Radioaktif) 2011, walau bagaimanapun, lembaga masih dalam proses pertimbangan sehingga keputusan penuh diperolehi, dan Lynas diminta mengemukakan 2 batch lagi data serta prosedur pengambilan sampel.
31 Disember 2013	Surat Lynas (Ruj: LMSB-SHE-L-31122013-AELB-123) mengemukakan dokumen pelan dan lokasi PDF (<i>PDF Planning Framework & PDF Site Selection Plan</i>) yang telah dipinda mengikut saranan JKK (Pengurusan Sisa Radioaktif) yang telah dipersetujui oleh lembaga dalam mesyuarat khasnya pada 17/10/2013.
TAHUN 2014	
14 Februari 2014	Mesyuarat lembaga ke-79 bil 1/2014 memutuskan: i. Permohonan Lynas meminda syarat TOL 15 bagi bayaran ansuran cagaran bagi lesen diterima ii. Bersetuju mengambil maklum mengenai dokumen prancangan dan lokasi PDF yang dipinda mengikut saranan JKK (Pengurusan Sisa RAdioaktif) sebagaimana dipersetujui oleh lembaga dalam mesyuarat khas pada 17/10/2013.
14 Februari 2014	Surat LPTA (Ruj: LPTA(S):P&P/026/666) memaklumkan bahawa lembaga mengambil maklum berhubung pindaan dokumen pelan dan lokasi PDF Lynas

	mengikut saranan JKK (pengurusan Sisa Radioaktif) yang telah dipersetujui oleh lembaga dalam mesyuarat khasnya pada 17/10/2013. 2. Sukacita dimaklumkan, Lembaga melalui Mesyuarat Lembaga ke-79 bil.1/ yang telah diadakan pada 14 Februari 2014 telah mengambil maklum berhu pindaan dokumen tersebut yang dilakukan oleh pihak tuan mengikut saranan Jawatankuasa Kecil Keselamatan (Pengurusan Sisa Radioaktif) sebagai dipersetujui dalam mesyuarat khas lembaga pada 17 Oktober 2013.																								
4 Mac 2014	Surat LPTA (Ruj: LPTA(S):P&P/026/666) meluluskan permohonan Lynas bagi meminda ketetapan syarat lesen No.15 TOL seperti berikut: 2. Sukacita dimaklumkan, Lembaga melalui Mesyuarat Lembaga ke-79 bil.1/2014 ya telah diadakan pada 14 Februari 2014 telah meneliti permohonan tuan tersebut. Deng itu, merujuk peruntukan Seksyen 17 Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) dima pihak berkuasa berkenaan boleh menambah, mengubah atau membatalkan syarat-syar lesen yang dikenakan pada bila-bila masa, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AEL bersetuju untuk meminda syarat TOL No.15 kepada: 15. <u>Cagaran Bagi Lesen</u> 15.1 Pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat jaminan kewangan ya ditetapkan di bawah undang-undang yang berkaitan dan mengi cadangan yang dikemukakan oleh pihak pemegang lesen, iaitu sebanyak United State Dollar (USD) 50 juta dan dibayar kepada Kerajaan Malay secara ansuran dalam tempoh tujuh (7) tahun. Perkara ini juga tertak kepada kajian semula oleh Lembaga jika ditetapkan kemudian. 3. Sehubungan itu, Lembaga juga melalui mesyuaratnya yang ke -73 bersetuj perlaksanaan pembayaran ansuran cagaran bagi lesen Lynas LPTA/A/1333 sep berikut: <table><tr><th>BIL.</th><th>TAHUN</th><th>JUMLAH ANSURAN (USD)</th></tr><tr><td>1.</td><td>2013</td><td>6.05 juta</td></tr><tr><td>2.</td><td>2014</td><td>5.00 juta</td></tr><tr><td>3.</td><td>2015</td><td>7.79 juta</td></tr><tr><td>4.</td><td>2016</td><td>7.79 juta</td></tr><tr><td>5.</td><td>2017</td><td>7.79 juta</td></tr><tr><td>6.</td><td>2018</td><td>7.79 juta</td></tr><tr><td>7.</td><td>2019</td><td>7.79 juta</td></tr></table>	BIL.	TAHUN	JUMLAH ANSURAN (USD)	1.	2013	6.05 juta	2.	2014	5.00 juta	3.	2015	7.79 juta	4.	2016	7.79 juta	5.	2017	7.79 juta	6.	2018	7.79 juta	7.	2019	7.79 juta
BIL.	TAHUN	JUMLAH ANSURAN (USD)																							
1.	2013	6.05 juta																							
2.	2014	5.00 juta																							
3.	2015	7.79 juta																							
4.	2016	7.79 juta																							
5.	2017	7.79 juta																							
6.	2018	7.79 juta																							
7.	2019	7.79 juta																							
6/6/2014 ML-80	Lembaga dalam mesyaurat ke-80 sedia maklum bahawa analisa telah menunjukkan bahawa kandungan radionuklid U-238 dan Th-232 di dalam bahan Synthetic Aggregate adalah di bawah paras 1 Bq/g yang mana tidak tertakluk di bawah kawalan perundangan semasa. Oleh yang demikian Lembaga memutuskan bahawa tiada keperluan lagi untuk pihak Lynas memohon pelepasan daripada pihak Lembaga terhadap bahan ini daripada atas sebab kandungannya telah sedia ada berada di bawah had limit yang memerlukan kawalan.																								
11 Jun 2014	Surat AELB kepada Lynas memaklumkan keputusan Lembaga sedia maklum bahawa analisa 3 batch data telah menunjukkan bahawa kandungan radionuklid U-238 dan Th-232 di dalam bahan Synthetic Aggregate adalah di bawah paras 1 Bq/g yang mana tidak tertakluk di bawah kawalan perundangan semasa.																								

21 Ogos 2014	ML-81 Lembaga leluaskan permohonan pembaharuan lesen Syarikat Lynas (M) Sdn. Bhd. bagi aktiviti:-: (a) Kelas A (Mengilang) – membaharui lesen kelas A (Mengilang) untuk mengilang bahan mentah pekatan lantanid (lanthanide concentrates) peringkat pengendalian sementara kepada Peringkat Pengendalian Penuh; (b) Kelas A (Bahan Radioaktif Punca Terkedap) untuk aktiviti tolakan; (c) Kelas C (Radas Penyinaran) untuk aktiviti penganalisaan bahan; (d) Kelas E (Import/ Eksport) untuk mengimport bahan mentah pekatan lantanid dari Mount Weld Australia ke Kuantan, Pahang dan (e) Kelas G (Penstoran Sebelum Pelupusan) untuk menstor sementara residu yang dihasilkan ke Kemudahan Penstoran Sementara atau 'Residues Storage Facility, RSF' di dalam kawasan tapak kilang sebelum pelupusan akhir (<i>final disposal</i>). bagi tempoh dua (2) tahun berserta bayaran fee sebanyak RM 233,702.00.00
15 Nov 2014	Surat maklumbalas AELB meluluskan permohonan Lynas untuk menukar NUF Lagoon kepada RSF WLP2, berdasarkan ulasan DoE.
TAHUN 2015	
16 April 2015	Surat Lynas rujukan LMSB-RAD-L-1604215-AELB-07 mengenai penukaran residu WLP kepada PG Organic dan PG Sand
2 Julai 2015	Mesyuarat Lembaga bil.2/2015 memutuskan: a) Rayuan cagaran lesen Lynas (surat bth 10 April 2015) – Lembaga tidak bersetujui degnan permohonan rayuan oleh Lynas tersebut, kerana Lembaga telah memberi kelonggaran sebelum ini untuk memanjangkan tempoh bayaran dari 5 tahun kepada 7 tahun. b) Penukaran residu WLP kepada PG Organic dan PG Sand – Lembaga bersetuju melepaskan produk PG Sand dan PG Organic daripada peruntukan Akta 304, namun pihak Lynas diminta agar memaklumkan kepada Lembaga aktiviti yang menggunakan produk tersebut. Lynas juga perlu mematuhi peruntukan Akta lain yang berkuatkuasa.
3 Julai 2015	Surat AELB memaklumkan keputusan Lembaga kepada pihak Lynas. a) Tidak meluluskan rayuan bayaran cagaran lesen mengikut jumlah residu WLP dihasilkan pada satu-satu masa b) Melepaskan produk PG Organic dan PG Soil daripada kawalan peruntukan Akta 304
30 Julai 2015	Surat Rayuan Lynas kepada YBM MOSTI berhuhung keputusan Lembaga berkaitan rayuan bayaran cagaran bagi lesen mengikut syarat lesen No#15. Dua isu dibuat rayuan: - Bayaran cagaran lesen dibuat mengikut kuantiti residu distor pada satusatu masa (yang ditolak oleh Lembaga dalam mesyuaratnya pada 2 Julai 2015) - Bayaran cagaran ditangguhkan sehingga 2017 (pending kepada keputusan R&D penukaran residu WLP kepada produk komersial)
7 Sept 2015	Surat AELB kepada YBM mengemukakan alasan-alasan Lembaga menolak permohonan rayuan Lynas berkenaan bayaran wang cagaran lesen seeperti berikut: - Jumlah bayaran adalah tetap (telah dipersetujui oleh PSCV) - Tempoh bayaran cagaran telah dikaji semula sekali atas permohonan Lynas
16 Oktober 2015	Surat Lynas LMSB-RAD-L-101015-AELB-16 berkaitan permohonan untuk melaksanakan scenario 2 dalam dokumen perancangan dan lokasi PDF (1 Julai 2013) yang diluluskan oleh Lembaga dalam mesyuarat khasnya pada 17 Okt 2013

19 Nov 2015	Mesyuarat Lembaga bil 3/2015, ML-85 memutuskan: 1. Lembaga mengambil maklumkan kelulusan jabatan AELB ke atas permohonan Lynas menukar RSF NUF kepada RSF WLP3 2. Permohonan Lynas untuk melaksanakan scenario 2 dalam dokumen perancangan dan lokasi PDF (1 Julai 2013) yang diluluskan oleh Lembaga dalam mesyuarat khasnya pada 17 Okt 2013 lalu tidak dapat dipertimbangkan pada masa ini, memandangkan R&D Lynas bagi penukaran WLP masih belum mencapai objektifnya. Kini pada peringkat field trials, jika Berjaya selepas tempoh kajian (dijangka 18 bulan), baru permohonan ini boleh dipertimbangkan, jika gagal, Lynas perlu melaksanakan spt scenario 1, di mana aktiviti screening tapak PDF perlu dimulakan segera.
20 Nov 2015	Surat LPTA memaklumkan keputusan Lembaga berkaitan permohonan Lynas menggunakan scenario 2 dalam dokumen perancangan dan lokasi PDF tidak dapat dipertimbangkan pada masa ini.
TAHUN 2016	
2/2/2016	Surat maklumbalas Lynas kepada AELB meminta agar bayaran cagaran ditangguhkan sehingga mendapat keputusan hasil rayuan kepada YBM
4/2/2016	Surat Jawapan YBM terhadap Rayuan Lynas: i. Rayuan Pembayaran Cagaran Lesen Mengikut Syarat Lesen No. 15 (Lesen Mengilang Peringkat Kendalian Penuh, FOSL) ii. Rayuan Penukaran Kaedah Pembayaran Deposit Untuk Pembinaan PDF (<i>Permanent Disposal Facility</i>) USD 50 Juta iii. Permohonan Penggantungan Sementara Pembayaran Wang Deposit PDF Sehingga Julai 2017 5. Sehubungan itu, dimaklumkan permohonan YBhg. Dato' bagi perkara (i) dan (ii) tidak dapat dipertimbangkan dan keputusan terdahulu oleh Lembaga dikekalkan. Bagi perkara (iii) pula, pihak Y.Bhg Dato' dinasihatkan agar mengemukakan rayuan bertulis kepada Lembaga memandangkan perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Lembaga merujuk peruntukan di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304).
3/3/2016	Surat Rayuan Lynas LMSB-RAD L-030316- AELB-07 kepada AELB untuk memohon moratorium (menangguh) bayaran cagaran lesen sehingga Julai 2017.
12/5/2016 ML 87	Mesyuarat Lembaga ke 87 bilangan 2/2016 bersetuju dengan permohonan moratorium Syarikat Lynas Malaysia Sdn. Bhd (Lynas) atas pembayaran deposit PDF sehingga Julai 2017. Walau bagaimana pun ianya tertakluk kepada syarat-syarat berikut: i. Persetujuan moratorium ini hanya melibatkan bayaran cagaran deposit PDF 2015 sehingga 2017 sahaja. Lynas adalah dikehendaki membayar semua deposit PDF tertunggak tersebut (tahun 2015 dan 2017) selepas Julai 2017; dan ii. Lynas juga hendaklah membayar baki bayaran cagaran PDF bagi tahun 2014 yang masih tertunggak iaitu sebanyak USD 4.63 juta, sebelum Disember 2016. Lynas juga diingatkan bahawa jumlah asal bayaran cagaran lesen yang ditetapkan oleh Lembaga sebanyak USD 50 juta adalah kekal serta muktamad dan Lynas dikehendaki mematuhi semua syarat bayaran cagaran tersebut sebagaimana ditetapkan.
1/6/2016	Surat AELB kepada Lynas memaklumkan keputusan Lembaga terhadap permohonan moratorium bayaran cagaran lesen oleh Lynas sehingga Julai 2017
28/7/2016 ML 88	Mesyuarat Lembaga (ML88) menilai permohonan pembaharuan lesen Lynas yang akan tamat pada 2 Sept 2016. Keputusan Lembaga;

	Lesen Lynas diperbaharui sehingga 31 Dec 2016 – kerana tempoh Lynas untuk menjelaskan bayaran cagaran lesen bagi tahun 2014 adalah sehingga akhir Dec 2016										
9/8/2016	Surat AELB memaklumkan pembaharuan lesen diluluskan oleh Lembaga sehingga 31 Disember 2016, dan Lynas dikehendaki menjelaskan bayaran cagaran lesen bagi tahun 2014 sebelum berakhir Disember 2016. (Bayaran cagaran bagi tahun 2015 dan 2016 dibenar ditangguhkan sehingga Julai 2017)										
1/9/2016	Lynas menjelaskan baki bayaran cagaran lesen bagi 2014 sebanyak RM18,716,775 (USD 4.63 juta). Lembaga bersetuju meluluskan pembaharuan lesen Lynas selamat 3 tahun sebagaimana syor LEM/KK/326. (Surat Lynas LMSB-RAD-L-010916-MOSTI-14) Lynas juga menjelaskan tambahan bayaran fi lesen sebanyak RM2400 dan lesen Lynas diperbaharui selama 3 tahun berkuatkuasa dari 3/9/2016 – 2/9/2019.										
8/11/2016	Surat Lynas mengemukakan maklumat jualan kasar dan perbelanjaan R&D pengurusan residu bagi tahun fiskal 2014 – 2016: • FY 2014 – Jualan kasar RM 191,529,641 (R&D: 4,753,117) 2.48% • FY 2015 – Jualan kasar RM 411,599,710 (R&D: RM 3,816,760) 0.93% • FY 2016 – Jualan kasar RM 571,002,476 (R&D: RM 2,969,691) 0.52%										
TAHUN 2017											
2 Mac 2017 ML 89	ML-89 Lembaga mengambil maklum berhubung bayaran cagaran lesen oleh Lynas bagi tahun 2013 dan 2014 sebanyak USD 11.05 juta manakala bagi tahun 2015 dan 2016 Lembaga dalam mesyuaratnya ke-87 pada 12/5/2016 telah memberikan moratorium sehingga Julai 2017.										
21 Jun 2017	Lynas memohon moratorium bayaran cagaran lesen selama 18 bulan lagi setelah moratorium yang diberikan sebelum ini tamat pada 31 Julai 2017, iaitu sehingga 31 Dec 2018.										
20 Julai 2017	Mesyuarat Lembaga ke 90 (ML-90) memutuskan: 1. Pembinaan WLP RSF#4 dibenarkan dan AELB perlu memantau semasa proses pembinaan dijalankan bagi memastikan spesifikasi yang ditetapkan dipatuhi. 2. Permohonan moratorium Lynas sehingga 31 Dec 2018 tidak dapat dipertimbangkan (di tolak) dan Lynas perlu membayar wang cagaran bagi tahun 2015 dan 2016 sebelum 31 Julai 2017, manakala cagaran tahun 2017 dan seterusnya perlu dibayar mengikut jadual yang ditetapkan. Walau bagaimanapun Lynas diberi kelonggaran membayar dalam bentuk tunai ataupun bon										
27 Julai 2017	Surat AELB kepada Lynas memaklumkan keputusan Lembaga (ML-90) pada 20/7/2017) berhubung permohonan Lynas untuk membina dan menggunakan WLP RSF#4 adalah dibenarkan.										
1 Ogos 2017	Surat AELB kepada Lynas memaklumkan keputusan Lembaga (ML-90 pada 20/7/2017) berhubung permohonan moratorium Lynas untuk bayaran cagaran lesen selamat 18 bulan lagi sehingga 31 Dec 2018 adalah ditolak dan tidak dapat dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, Lynas diberi kelonggaran untuk membayar dalam bentuk tunai ataupun Bon.										
28 Ogos 2017	ML-91 memutuskan: Permohonan rayuan Lynas tidak dapat dipertimbangkan dan Lynas perlu membayar cagaran lesen seperti yang ditetapkan oleh Lembaga sebelum ini (dengan kelonggaran membayar secara tunai atau bentuk bon) : <table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahun</th><th>Jumlah (USD)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>15 Ogos 2017</td><td>15.58 juta</td></tr> <tr> <td>31 Disember 2017</td><td>7.79 juta</td></tr> <tr> <td>31 Disember 2018</td><td>7.79 juta</td></tr> <tr> <td>31 Disember 2019</td><td>7.79 juta</td></tr> </tbody> </table>	Tahun	Jumlah (USD)	15 Ogos 2017	15.58 juta	31 Disember 2017	7.79 juta	31 Disember 2018	7.79 juta	31 Disember 2019	7.79 juta
Tahun	Jumlah (USD)										
15 Ogos 2017	15.58 juta										
31 Disember 2017	7.79 juta										
31 Disember 2018	7.79 juta										
31 Disember 2019	7.79 juta										
5 Sept 2017	Surat AELB memaklumkan Lynas berhubung keputusan Lembaga tidak mempertimbangkan rayuan Lynas berkemaaan bayaran cagaran lesen										

30 Nov 2017	Jabatan AELB [LPTA(S):P&P/026/666/Klt.21(21)] menerima pembayaran bagi bon (moratorium) bagi PDF yang tertunggak bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 yang membawa jumlah keseluruhan sebanyak USD 23.37 juta. Maklumat bon:- a) Bank Pengeluar bon: HSBC Bank (Malaysia) b) Jumlah bayaran: USD 23.37 juta c) No. rujukan wang jaminan: FNGHLD427190 d) Tarikh pengeluaran wang jaminan: 24 Nov 2017 e) Tempoh kuatkuasa wang jaminan: 24 Nov 2017 – 23 Nov 2020
TAHUN 2018	
9 Julai 2018	Lynas mengemukakan Pelan Pengurusan Sisa Radioaktif (WLP) dan buangan berjadual (NUF) untuk kelulusan JAS dan LPTA.
10 Julai 2018	Arahan KP agar semua permohonan pengurusan sisa Lynas dibawa untuk pertimbangan Lembaga.
2 Ogos 2018	Taklimat Lynas berhubung Pelan pengurusan sisa radioaktif (WLP) kepada LPTA dan Lembaga (Hadir: pengerusi dan ahli Dr Mohd Noor Yunus)
28 Nov 2018	Perbincangan dengan YBM dan AGC berkenaan surat kepada Lynas (makluman pra syarat pengurusan residu WLP) dan draf press statement YBM berhubung keputusan JK Executive
04 Dis 2018	AELB telah mengeluarkan surat kepada Lynas bertarikh 4 Disember 2018, rujukan (LPTA(S):P&P/026/666.Jilid23(3) bertajuk “Makluman Awal Pra-Syarat Terhadap Pengurusan Residu Water Leached Purification (WLP) Lynas (Malaysia) Sdn Bhd Yang Akan Dikenakan Untuk Permohonan Membaharui Lesen”. Initi pati surat adalah seperti berikut: Makluman awal kepada Lynas mengenai pra-syarat berkaitan dengan pengurusan residu WLP Lynas yang perlu dipatuhi sebelum membuat permohonan membaharui lesen LPTA/A/1333 yang akan tamat pada 02 September 2019 dapat dipertimbangkan: i) Memastikan semua residu WLP sedia ada dibawa keluar dari Malaysia sebelum 02 September 2019; ii) Mengenakan had jumlah residu WLP yang boleh disimpan di kemudahan penstoran sementara pada satu-satu masa bagi lesen yang akan dibaharui nanti; dan iii) Berdasarkan pra-syarat di atas, residu WLP harus dibawa keluar dan tidak lagi digunakan untuk penyelidikan R&D selepas 31 Disember 2018. Kenyataan akhbar oleh YBM MESTECC berhubung penemuan JK Executive Kajian Operasi Lynas dan pra syarat Lynas perlu membawa keluar sisa ke luar negara untuk pembaharuan lesen yang akan tamat pada 2/9/2018.
7 Dec 2018	Mesyuarat Kabinet mengambil maklum laporan JK Executive Kajian Operasi Lynas dan pembentangan oleh YBM MESTECC berhubung kenyataan akhbar berkaitan pra syarat untuk Lynas membawa keluar sisa yang dihasilkannya. Kabinet tidak bersetuju dengan Lynas membawa keluar residu dijadikan pra syarat untuk pembaharuan lesen.
17 Dis 2018	Pembentukan JK Penyediaan Dokumen Lynas (berikutan kenyataan SMSL mereka mempunyai dokumen setebal 117 m/s ntuk dipanjangkan kepda SPRM) berkaitan salah guna kuasa pihak berkenaan dan agensi kerajaan berkaitan isu Lynas
18 Dis 2018	CEO Lynas mengadakan perjumpaan dnegan YBM, perbincangan bersetuju: - Lynas membawa keluar residu WLP - Tempoh dilanjutkan untuk membawa keluar (Lynas pelu mengemukakan Pelan Tindakan untuk membawa keluar residu WLP) - Lynas memohon menggunakan wang cagaran lessen yang dibayar sebelum ini
19 Disember 2018	Mesyuarat Jemaah Menteri Pada 19 Disember 2018 memutuskan: - bersetuju prasyarat Lynas perlu membawa keluar WLP - bersetuju dengan tempoh membawa keluar WLP dilanjutkan (tetapi kurang 3 thn) - Lynas perlu mengemukakan Pelan tindakan untuk membawa keluar WLP

20 Disember 2018	Surat Lynas untuk mendapatkan penjelasan arahan membawa keluar WLP sebagai prasyarat pembaharuan lesen adalah dari Lembaga atau pihak lain, bagi mmebolehkan Lynas membuat rayuan.
27 Dis 2018	Perbincangan Lynas (Prof Ismail) dengan BPP berhubung: - Kandungan surat LPTA 4 Nov 2018 (prasyarat pembaharuan lessen Lynas) - Pelan tindakan Lynas untuk membawa keluar WLP - Persetujuan Lynas untuk membawa keluar WLP, tertakluk kepada penerimaan oleh negara penerima). Lynas juga bertanya kemungkinna untuk menggunakan duit cagaran lesen yang telah dibayar sebelum ini.
TAHUN 2019	
28 Jan 2019 (1)	Perbincangan Mengenai Penubuhan Joint Task Force Pengeluaran Sisa Radioaktif WLP dari Lynas bersama urusetia PSTI diadakan di MESTECC dan telah dipengerusikan oleh TSB PSTI En Abang Othman, turut dihadiri oleh Dr Teng bersama Dr Suhana bagi membincangkan TOR JK Joint Task Force
29 Jan 2019 (2)	Mesyyarat Joint Task Force Pengeluaran Sisa Radioaktif WLP dari Lynas telah diadakan di MESTECC bagi memuktamadkan TOR JK Joint Force dan dihadiri oleh Dr Teng dan Dr Suhana. Mesyyarat dipengerusikan oleh TSKU iaitu Dr Nagulendran Kangayatkarasu
31 Jan 2019 (3)	First Initial Joint Task Force Pengeluaran Sisa Radioaktif WLP dari Lynas diadakan di MESTECC dan dihadiri oleh Dr Teng dan Dr Suhana. Mesyyarat pertama Joint Task Force ini dipengerusikan oleh TKSU, Dr Nagulendran Kangayatkarasu
8 Feb 2019 (4)	Mesyyarat kedua Joint Task Force Pengeluaran Sisa Radioaktif WLP dari Lynas diadakan di MESTECC dan dihadiri oleh Dr Suhana dan En Mohamad Hassyakirin. Mesyyarat pertama Joint Task Force ini dipengerusikan oleh TKSU, Dr Nagulendran Kangayatkarasu
26 Feb 2019	Surat YBM kepada Menteri Australia berhubung fasilitasi membawa keluar WLP lynas ke Australia: 1. Menteri Environment Australia 2. Menteri Health Australia 3. Menteri Environment Disability Australia Mrnteri Western Australia
13 Mac 2019	Perbahasan titah DiRaja di Dewan Rakyat, soalan berkaitan LPTA: - Pindaan RUU mengambilkira sisa Lynas Langkah yang diambil oleh kerajaan bagi Lynas membawa keluar residu WLP
22 Mac 2019	Surat LPTA maklumbalas surat Lynas memohon salinan keputusan Lembaga dan jsutifikasi.
26 Mac 2019	Alasan rayuan Lynas disediakan oleh PUU dan diedar kepada ahli lembaga untuk ulasan lanjut
27 Mac 2019	Maklumbalas secara emel oleh pengerusi Lembaga: Reply Datuk Pengerusi (bersetuju dengan cadangan alasan oleh jabatan)
3 April 2019	Maklumbalas dari ahli-ahli Lembaga Datu Dr Nayan: menyokong deraf alasan - alasan terhadap keputusan Responden Dato Nor Hisham: bersetuju dengan cadangan alasan yang diberikan Dr Muhamad Noor: 1. AELB bertindak mengikut Seksyen 17 Akta 304 spt perenggan (c) diatas. Adakah AELB bertindak atas dasar keselamatan radiologi yg di buktikan dengan ukuran dan kiraan saintifik ATAU berpandukan kepada ketakutan dan keresahan orang awam semata 2. Sekiranya ia melampaui had keselamatan radiologi dan menimbulkan keresauan awam, pada saya, AELB berhak memutuskan demikian. Untuk itu, saya bimbang, pihak perayu akan mengambil tindakan undang2 yg mempersoalkan keputusan AELB yang seolah2 mengambil kira keresahan awam semata2 SAHAJA tanpa SOKONGAN fakta keselamatan radiologi.) Sekiranya ia pun benar dibuktikan dari sudut keselamatan radiologi ianya melampaui tahap yg dibenarkan dan telah menimbulkan keresahan awam, adakah memadai di lupuskan di tempat yang munasabah dan selamat, sebagaimana sudah ada

	precedence bagi ARE di Bukit Kledang ATAU perlu terus dihantar jauh dari pandangan dan fizikal Malaysia.
30 April 2019	Mesyuarat Lembaga ke-98 memutuskan alasan rayuan kepada Lynas boleh diterima, iaitu: a. Arahan YBM (Sec 11 Akta 304); dan Kepentingan awam (kuantiti WLP yang banyak); sec 22 Akta 304
4 Mei 2019	Peter Remta selaku wakil perunding bagi Azark Project telah menulis emel dan mengemukakan surat kepada YBM MESTECC berkenaan cadangan tapak pelupusan sisa nuklear di Leonora, Australia Barat. Peter Remta menyatakan dalam emel dan suratnya bahawa Azark Project sudi menerima residu WLP Lynas sekiranya Kerajaan berhasrat berbuat demikian. Ini mengambil kira segala kepakaran, peralatan dan pengangkutan yang akan disediakan oleh Azark Project. Namun, YBM MESTECC masih belum membuat apa-apa keputusan berhubung perkara tersebut dan berhasrat untuk mengadakan perbincangan selanjutnya dengan Azark Project sebelum perbincaraan rayuan Lynas.
6 Mei 2019	Perbincangan penyediaan MJM berkaitan operasi Lynas dan status rayuan Lynas, dimaklumkan pilihanraya umum Australia diubah dari 9 Mei kepada 18 Mei, sehubungan itu YBM akan berbincang dengan Lynas, mendengar rayuan Lynas serta mengadakan perjumpaan dengan kerajaan baru Australia selepas 18 Mei 2019. Sehubungan itu hanya NJM akan disediakan untuk memaklumkan status semasa operasi Lynas dan masih menunggu tarikh pendengaran rayuan
23 Mei 2019	Pertemuan pihak Lynas, wakil kedutaan Australia dan wakil kedutaan Jepun dengan YBM MESTECC, KSU dan TKSU bertempat di MESTECC diadakan untuk membincangkan berkenaan isu penghantaran keluar residu WLP ke Australia dan pendengaran rayuan oleh Lynas
23 Mei 2019	AELB telah mengeluarkan surat makluman (bertarikh 15 Mei 2019) beserta alasan keputusan berhubung pengeluaran surat pra-syarat 04 Dis 2018 kepada YBM MESTECC dan Lynas
24 Mei 2019	En Daniel Lee Marn Zhi (Pegawai Tugas-tugas Khas) memaklumkan kepada AELB tarikh baru perbincaraan rayuan Lynas telah ditetapkan pada 28 Jun 2019 dan lokasinya masih sama iaitu di ANM
27 Mei 2019	Surat YBM kepada Lynas ruj MESTECC/YBM-1/1 Jld2 (81) memaklumkan prosedur rayuan dan juga menyatakan YBM tiada kuasa untuk menangguhkan keputusan LPTA (melalui surat bertarikh 4 Dec 2018)
29 Mei 2019	MESTECC telah menjemput AELB ke satu sesi perbincangan bersama Unit Perundangan MESTECC berhubung prosedur perbincaraan dan persediaan rayuan Lynas. Perbincangan tersebut dipengerusikan oleh En. Mohd Yusri bin Yusof (Timbalan Setiausaha): Kehadiran LPTA: KP, Dr Teng dan PUU
30 Mei 2019	YAB PM, Tun Dr Mahathir Mohamad dalam sidang media dengan Kelab Koresponden Asing Jepun (FCCJ) di Tokyo memberi kenyataan bahawa Kerajaan Malaysia akan membenarkan kilang Australia terus beroperasi beserta pembaharuan lesennya
31 Mei 2019	YB Menteri MESTECC memberi maklum balas kepada Lynas dalam suratnya bertarikh 27 Mei 2019 (MESTECC/YBM-1/1 Jld.2 (81)) bahawa YBM tiada kuasa untuk mendengar dan membuat keputusan terhadap permohonan rayuan Lynas kerana ia tidak diperuntukkan di bawah Akta 304 dan P.U.(A) 206/1990
10 Jun 2019	LPTA mengemukakan Nota Ikhtisar kepada MESTECC utk lawatan kerja YBM ke Australia yang dijadualkan pada 17-21 Jun 2019
11 Jun 2019	Perbincangan di MESTECC (dipengerusikan oleh TKSU Dr Nagu) berkenaan lawatan YBM ke Australia, (berdasarkan surat YBM bertarikh 26 Feb 2019 kepada 4 Menteri di Australia untuk membincangkan penghantaran balik WLP ke Australia). Dimaklumkan Menteri Australia Barat menyatakan Australia tidak akan menerima waste WLP dari Malaysia dan 2 Menteri Australia menolak untuk berjumpa dengan YBM pada 17-21 Jun 2019. Wakil LPTA: TKP, Dr Teng, Cik Gan

	Pada masa sama YBM berjumpa PM berhubung kelulusan lawqatan ke Australia, tetapi dimaklumkan PM tidak membenarkan lawatan ke Australia memandangkan Australia telah menyatakan pendirian tidak akan menerima sisa WLP dari Malaysia. Walau bagaimanapun YBM meminta untuk diadakan lawatan kerja ke China untuk melihat aktiviti Rare Earth dan Pengurusan sisa di China.
13 Jun 2019	Perbincangan dengan Bah Antarabangsa MESTECC berhubung lawatan kerja YBM ke China untuk melihat aktiviti Rare Earth dan Pengurusan sisa serta Teknologi bio-tech di China, LPTA perlu sediakan salient points dan contoh soalan yang boleh ditanya semasa sesi perbincangan/ lawatan ke China Wakil LPTA: Dr Teng, Cik Gan
25 Jun 2019	Surat Lynas (Prof Ismail) kepada LPTA mengemukakan sokongan kejayaan R&D penukaran residu WLP kepada Condisoil.
19 Julai 2019	Perbincangan antara AELB dengan wakil Lynas berkenaan Projek Pembinaan WLP PDF Wakil AELB: 1. Tn Hj Mohd Pauzi Mohd Sobari – Pengerusi 2. Pn Monalija Kastor (PBKS) 3. Dr Teng Iyu Lin (PBPP) 4. Pn Amizah Othman (KPPBKS) 5. Dr Suhana Jalil (PPPBKS) 6. En Muhammad Hasyakirin Hasim (PPBPP) 7. En Muhammad Redza Fahmi Rosdi (PPBPP) Wakil Lynas: 1. Prof Ismail Bahari (Lynas) 2. Pn Fatahiah Mohd Saad (Lynas) 3. Dr Aizul Azfar Zulkeefli (Lynas) 4. Dr Vijayalakshmi Samuel-AGV Consultant (untuk Lynas) 5. Dato Alfred Adaikalaraj-AGV Consultant (untuk Lynas)
25 Julai 2019	Perbincangan antara AELB dengan MESTECC berkenaan pelantikan syarikat perunding (Canning Purple) bagi menangani isu penghantaran residu WLP Lynas ke Australia. Perbincangan diadakan di MESTECC dan telah dipengerusikan oleh TKSU(S)-Dr Mohd Nor Azman Hassan. Wakil AELB: 1. Dr Teng Iyu Lin (PBPP) 2. En Muhammad Hasyakirin Hasim (PPBPP)
02 Ogos 2019	Perbincangan mengenai <i>wayforward</i> Pengurusan Sisa Radioaktif Lynas bersama pihak Kementerian Luar Negeri (KLN) di MESTECC. Wakil AELB: 1. Tn. Hj. Mohd Pauzi Bin Sobari (TKP) 2. Dr. Teng Iyu Lin (PBPP) 3. Dr. Suhana binti Jalil (PPPBKS)
06 Ogos 2019	Mesyuarat Lembaga Ke-99 (Bil. 3/2019) Permohonan pembaharuan lesen Lynas dipersetujui untuk diperbaharui oleh Lembaga untuk tempoh 6 bulan (dengan fi lesen: RM20,540*) dengan syarat seperti berikut: - Lynas hendaklah mengemukakan surat rasmi berkenaan kelulusan tapak kemudahan pelupusan kekal (PDF) sama ada dalam (nota: Surat rasmi dari Kerajaan Negeri Pahang) atau luar negara (nota: dari negara Australia atau negara-negara lain) dan menyatakan lokasi PDF; - Lynas hendaklah mengemukakan jadual perancangan dan milestone bagi projek <i>cracking and leaching</i> pekatan lanthanide di Australia Barat dan tempoh 4 tahun dan memastikan projek ini berjaya untuk <i>commission</i>;

- Bayaran sebanyak 0.5% daripada jualan kasar tahunan yang digunakan untuk melaksanakan aktiviti R&D berkaitan pengurusan residu WLP** hendaklah dibayar sebagai cagaran bagi lesen tambahan bagi tujuan pelaksanaan projek *leaching and cracking*

Nota:

*Bahagian Penilaian dan Perlesenan mengesyorkan pembaharuan lesen selama tempoh tiga tahun dengan fi lesen sebanyak RM 123,240.00. Maka fi lesen untuk 1 bulan adalah bersamaan dengan RM 3423.33. Oleh itu, fi lesen bagi 6 bulan bersamaan dengan RM 20,540.00.

**Surat LPTA bertarikh 24 Julai 2018 memaklumkan Lynas diberikan tempoh sehingga 31 Dis 2018 untuk membuktikan hasil R&D Berjaya dikomersilkan. Jika produk yang dihasilkan dari R&D tidak berjaya dikomersilkan, maka Lynas hendaklah mengemukakan perancangan mengenai PDF.



IBU PEJABAT LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI MALAYSIA
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor Darul Ehsan

ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION (MOSTI)
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor Darul Ehsan



Pengarah Urusan
Lynas Malaysia Sdn. Bhd,
Lot PT8249 & PT13637,
Kawasan Perindustrian Gebeng,
26080 Kuantan,
Pahang.
(U/P: Y.BHG DATO' HJ. MASH'AL BIN AHMAD)

LPTA(S):P&P/026/666

24 Julai 2018

Y.Bhg Dato',

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) RESIDU WATER LEACHED PURIFICATION (WLP)

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas dan surat Y. Bhg Dato' bil LMSD-RAD-L-210617-AELB-04 bertarikh 21 Jun 2017 dan surat jabatan ini bil LPTA(S):P&P/026/666 bertarikh 20 November 2015 adalah berkaitan.

2. Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (Lembaga) mengambil maklum usaha Lynas (M) Sdn Bhd (Lynas) untuk mematuhi syarat No LPTA/A/1333 lesen berkaitan pengurusan sisa dan melakukan kajian penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk guna semula/ kitar semula residu *Water Leached Purification (WLP)*. Walau bagaimanapun, sehingga kini Lynas masih belum dapat membuktikan bahawa produk *Condissol* yang dihasilkan berjaya dikomersilkan. Sehubungan itu, Lembaga ingin mengingatkan pihak Y. Bhg Dato' bahawa Lynas diberi tempoh sehingga 31 Disember 2018 untuk membuktikan hasil R&D ini berjaya di komersilkan. Penetapan tempoh ini adalah dengan mengambil kira permohonan Lynas pada 21 Jun 2017 yang memohon perlanjutan tempoh selama 18 bulan moratorium daripada tarikh tersebut bagi membolehkan Lynas melengkapkan pengkomersialan *Condissol*.

3. Sekiranya produk yang dihasilkan dalam R&D ini tidak dapat dikomersilkan, pihak Lynas hendaklah memulakan perancangan PDF sebagaimana pilihan kedua yang disyaratkan bagi pengurusan sisa.



MS ISO 9001:2008


(SILA CATATKAN NOMBOR RUJUKAN LEMBAGA INI APABILA BERTHUBUNG)
<http://www.aelb.gov.my>

Telefon : +603-69225666

Fax : +603-69222665

E-Mail : lp@aelb.gov.my

<http://www.aelb.gov.my>

	4. Pihak Y.Bhg Dato' juga adalah dinasihatkan agar mematuhi semua peruntukan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) dan peraturan-peraturan subsidiari yang dibuat di bawahnya, syarat-syarat lesen serta arahan yang dikeluarkan oleh AELB dari semasa ke semasa. Sukacita diingatkan, pihak Y.Bhg Dato' juga tertakluk kepada semua arahan dan kehendak perundangan lain seperti yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkenaan dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan di Malaysia. Sekian, terima kasih. "BERKHIDMAT UNTUK NEGARA" Saya yang menurut perintah  (IBRAHIM HJ MUHAMAD) Bahagian Penilaian dan Perlesenan, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB), Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)
13 Ogos 2019	Mesyuarat Lembaga Khas (secara Skype) membincang dan mengesahkan syarat tambahan yang dikenakan kepada Lynas, selaras dengan keputusan Lembaga dalam ML-99 pada 6/8/2019 memberi pembaharuan lesen selama 6 bulan seperti berikut: - Pemegang Lesen hendaklah mengenal pasti tapak spesifik urus peminaan Kemudahan Pelupusan Kekal (<i>Permanent Disposal Facility</i> PDF) dan hendaklah mengemukakan kelulusan rasmi secara bertulis daripada Kerajaan Negeri bagi penggunaan tapak tersebut sebagai PDF; - Pemegang Lesen hendaklah mengemukakan perancangan pembinan PDF yang lengkap serta pelan pembiayaan yang mencukupi untuk menampung keseluruhan pembinan dan operasi PDF; dan - Pemegang Lesen hendaklah mengemukakan perancangan bagi pembinan kemudahan "<i>cracking and leaching</i>" di luar negara yang hendaklah mula beroperasi dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh mula tempoh sah lesen ini. Selepas kemudahan tersebut mula beroperasi di luar negara, pemegang lesen hendaklah hanya memproses di Malaysia bahan input proses yang telah menjalani proses "<i>cracking and leaching</i>" di luar negara dan yang tidak akan menghasilkan residu WLP.
13 Ogos 2019	Surat Pengerusi Lembaga kepada YBM memaklumkan keputusan Lembaga dalam mesyuarat khas apda 13 Ogos 2019 adalah seeperti di atas.



IBU PEJABAT LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI,
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil,
Selangor Darul Ehsan



ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD
MINISTRY OF ENERGY, SCIENCE, TECHNOLOGY,
ENVIRONMENT AND CLIMATE CHANGE
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil,
Selangor Darul Ehsan

Telefon : +60-3-8922 5888
Faks : +60-3-8922 3685
E-mel : kplpta@aelb.gov.my
Web : <http://www.aelb.gov.my>

SULIT

LPTA(S): TAD/006/1 Jilid 21(71)
13 Ogos 2019

YB Puan Yeo Bee Yin
Menteri Tenaga, Sains, Teknologi,
Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)
Aras 7, Blok C5, Kompleks C
62662 Putrajaya

YB Puan,

**PEMAKLUMAN KEPUTUSAN LEMBAGA BERHUBUNG PERMOHONAN
PEMBAHARUAN LESEN OPERASI SYARIKAT LYNAS SDN. BHD. DI GEBENG,
PAHANG**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YB Menteri, Lembaga dalam Mesyuarat Lembaga Khas pada 13 Ogos 2019 telah bersetuju dan memutuskan agar permohonan pembaharuan lesen Syarikat Lynas Sdn. Bhd., Lesen Kelas A (Pengilangan Bahan-Bahan Yang Mengandungi Bahan Radioaktif), Kelas A (Bahan Radioaktif Punca Terkedap), Kelas C (Radas Penyinaran), Kelas D (Pengangkutan), Kelas E (Import / Eksport) dan Kelas G (Penstoran Sebelum Pelupusan) diluluskan bagi tempoh enam (6 bulan) berserta syarat lesen tambahan seperti berikut:-

- i. Pemegang Lesen hendaklah mengenal pasti tapak spesifik untuk pembinaan Kemudahan Pelupusan Kekal (*Permanent Disposal Facility*, PDF) dan hendaklah mengemukakan kelulusan rasmi secara bertulis daripada Kerajaan Negeri bagi penggunaan tapak tersebut sebagai PDF;
- ii. Pemegang Lesen hendaklah mengemukakan perancangan pembinaan PDF yang lengkap serta pelan pembiayaan yang mencukupi bagi menampung keseluruhan pembinaan dan operasi PDF; dan

SULIT

SULIT

- iii. Pemegang Lesen hendaklah mengemukakan perancangan bagi pembinaan kemudahan "*cracking and leaching*" di luar negara yang hendaklah mula beroperasi dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh mula tempoh sah lesen ini. Selepas kemudahan tersebut mula beroperasi di luar negara, pemegang lesen hendaklah hanya memproses di Malaysia bahan input proses yang telah menjalani proses "*cracking and leaching*" di luar negara dan yang tidak akan menghasilkan residu WLP.

3. Untuk makluman YB Menteri juga, keputusan ini telah dibuat oleh Lembaga selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 5 Julai, 12 Julai dan 31 Julai 2019 serta pandangan YAB Perdana Menteri di Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 5 Julai 2019.

Sekian diangkat untuk makluman pihak YB Menteri berhubung keputusan Lembaga.

Terima kasih.

Salam hormat,



(DATUK IR. AHMAD FAUZI BIN HASAN)
Pengerusi
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom

Salinan kepada:

- 1) Datuk Seri Dr. Mohd. Azhar Bin Haji Yahaya
Ketua Setiausaha
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi,
Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)
- 2) Datuk Hamrah Bin Mohd. Ali
Ketua Pengarah
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom

SULIT

14 Ogos 2019

Surat YBM kepada Pengerusi Lembaga berhubung cadangan syarat tambahan lesen Lynas



MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
MINISTER OF ENERGY, SCIENCE, TECHNOLOGY, ENVIRONMENT AND CLIMATE CHANGE

MESTECC/YBM-1/1 Jld. 3 (56)
14 Ogos 2019

YBhg. Datuk Ir. Ahmad Fauzi bin Hasan
Pengerusi
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Batu 24 Jalan Dengkil
43800 Dengkil, Selangor

YBhg. Datuk,

**PEMAKLUMAN KEPUTUSAN LEMBAGA BERHUBUNG
PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN OPERASI LYNAS SDN. BHD.
DI GEBENG, PAHANG**


Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat YBhg. Datuk, rujukan LPTA(S):TAD/006/1 Jilid 21(71), bertarikh 13 Ogos 2019 berhubung perkara di atas.

2. Saya mengambil maklum akan keputusan Lembaga dalam Mesyuarat Lembaga Khas pada 13 Ogos 2019 yang telah bersetuju dan memutuskan permohonan pembaharuan lesen syarikat Lynas Sdn. Bhd. Bagi tempoh enam (6) bulan berserta tiga (3) syarat lesen tambahan seperti yang telah dinyatakan.

3. Dalam hubungan ini, saya memohon supaya syarat-syarat berikut dimasukkan ke dalam lesen syarikat Lynas Sdn. Bhd. yang akan diperbaharui tersebut (tempoh sah 6 bulan selepas 2 September 2019):

- (i) Pemegang lesen hendaklah mengemukakan pelan perancangan yang lengkap bagi pembinaan kemudahan "Cracking and Leaching" di luar negara dan pelan pembiayaan yang lengkap bagi menampung keseluruhan

Aras 7, Blok C5, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62662 Putrajaya
Tel : 603 - 8885 8013 Faks : 603 - 8889 1818
Laman Web : www.mestec.gov.my

	pembinaan dan operasi kemudahan "Cracking and Leaching" tersebut yang perlu mula beroperasi <u>dalam tempoh 4 tahun</u> dari tarikh mula tempoh sah lesen ini. Selepas kemudahan tersebut mula beroperasi di luar negara, pemegang lesen hendaklah hanya memproses di Malaysia bahan yang telah menjalani proses "Cracking and Leaching" di luar negara dan yang tidak akan menghasilkan residu yang melebihi 1 becquerel per gram; (ii) Pemegang lesen hendaklah: (a) mengenalpasti tapak spesifik untuk pembinaan <u>Kemudahan Pelupusan Kekal (Permanent Disposal Facility, PDF)</u> dan hendaklah mengemukakan <u>kebenaran secara bertulis daripada Kerajaan Negeri</u> bagi penggunaan tapak tersebut sebagai PDF. Pemegang lesen juga hendaklah mengemukakan <u>pelan perancangan pembinaan PDF</u> yang lengkap serta pelan pembiayaan yang mencukupi bagi menampung keseluruhan pembinaan dan operasi PDF; atau b) mengemukakan <u>kebenaran rasmi</u> secara bertulis daripada pihak berkuasa mana-mana negara untuk <u>membawa keluar residu WLP</u> ke negara tersebut; (iv) Pemegang lesen hendaklah <u>menamatkan semua aktiviti penyelidikan dan pembangunan (Research and Development, R&D) berkaitan residu WLP</u> dan hendaklah mengemukakan 0.5 peratus (%) daripada jualan kasar setiap tahun yang ditetapkan untuk usaha R&D sebelum ini kepada Kerajaan Malaysia sebagai <u>cagaran tambahan</u> bagi Lesen sehingga kemudahan "Cracking and Leaching" di luar negara mula beroperasi 4. Dalam hubungan ini, pihak Lembaga adalah dipohon untuk mengeluarkan <u>kenyataan kepada media</u> pada <u>15 Ogos 2019</u> bagi memaklumkan pelaksanaan keputusan seperti tersebut di atas. Sekian, terima kasih. Salam hormat,  (YEO BEE YIN)
15 Ogos 2019 (2.15pm)	Mesyuarat Lembaga Khas bil 2/2019 untuk membincangkan: - Cadangan syarat tambahan Lynas oleh YBM - Kenyataan media oleh LPTA berhubung keputusan pembaharuan elsen Lynas beserta syarat-syarat tambahan Keputusan Lembaga: Lesen Lynas diperbaharui selama 2 tahun dengan syarat tambahan seperti yang dinyatakan dalam surat YBM MESTECC bertarikh 14/8/2019
15 Ogos 2019 (5pm)	Siaran media keputusan pembaharuan elsen Lynas selama 6 bulan beserta syarat tambahan dilaman portal LPTA dan diemel kepada media (mengikut senarai yang diterima daripada UKK MESTECC).



SIARAN MEDIA

LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (LPTA)

15 OGOS 2019

PEMINDAHAN PROSES "CRACKING AND LEACHING" KE LUAR NEGARA DAN PEMBINAAN PDF ANTARA SYARAT LESEN OPERASI LYNAS

PUTRAJAYA, 15 OGOS 2019: Susulan daripada kenyataan awam yang telah dibuat oleh YAB Perdana Menteri dan keputusan Jemaah Menteri, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) telah membaharui lesen operasi Lynas Malaysia Sdn Bhd (Lynas) selama ENAM bulan.

Antara syarat-syarat yang telah ditetapkan adalah:

- (i) Lynas hendaklah mengemukakan perancangan bagi pembinaan kemudahan (facility) "*Cracking and Leaching*" di luar negara bagi tujuan **memindahkan proses tersebut** yang kini dijalankan di lojinya di Gebeng Kuantan, **keluar dari Malaysia**. Kemudahan *Cracking and Leaching* di luar negara hendaklah dibina dan mula beroperasi **dalam tempoh 4 tahun** dari tarikh sah lesen. Selepas kemudahan "*Cracking and Leaching*" mula beroperasi di luar negara, pemegang lesen **tidak lagi dibenarkan menghasilkan residu radioaktif** yang melebihi 1 *Becquerel* per gram di lojinya di Gebeng, Kuantan.

(ii) Lynas hendaklah:

- (a) mengenalpasti tapak spesifik untuk pembinaan **Kemudahan Pelupusan Kekal (*Permanent Disposal Facility, PDF*)** dan hendaklah mengemukakan **kebenaran secara bertulis daripada Kerajaan Negeri** bagi penggunaan tapak tersebut sebagai PDF. Pemegang lesen juga hendaklah mengemukakan pelan perancangan pembinaan PDF yang lengkap serta pelan pembiayaan yang mencukupi bagi menampung keseluruhan pembinaan dan operasi PDF; atau
- b) mengemukakan kebenaran rasmi secara bertulis daripada pihak berkuasa mana-mana negara untuk membawa keluar residu *Water Leach Purification (WLP)* ke negara tersebut;

(iii) Lynas hendaklah **menamatkan semua aktiviti penyelidikan dan pembangunan (*Research and Development, R&D*) berkaitan penggunaan semula residu radioaktif WLP sebagai *Condisoil* dalam bidang pertanian** dan hendaklah mengemukakan 0.5 peratus (%) daripada jualan kasar setiap tahun yang ditetapkan untuk usaha R&D sebelum ini kepada Kerajaan Malaysia sebagai cagaran tambahan sehingga kemudahan "*Cracking and Leaching*" di luar negara mula beroperasi.

Syarat-syarat ini diputuskan setelah Kerajaan Persekutuan Australia dan Kerajaan Negeri Western Australia memaklumkan kepada Malaysia bahawa pihaknya tidak akan menerima penghantaran balik residu radioaktif WLP Lynas.

Syarat-syarat di atas diputuskan ini juga adalah berdasarkan syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi Lynas Advanced Materials Plant dalam laporannya pada November 2018.

Pembinaan PDF perlu disegerakan untuk meminimalkan risiko timbunan residu radioaktif WLP yang kini terkumpul melebihi 580,000 tan di kemudahan penstoran sementara (*residue storage facility, RSF*) yang terdedah kepada ancaman bencana alam seperti banjir besar.

LPTA akan memantau rapi serta memastikan pembinaan dan pengendalian PDF mengikut piawaian antarabangsa.

- TAMAT -

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Tn. Hj. Zul Helmi bin Ghazali
Ketua Unit
Unit Komunikasi Korporat
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA)
No. Tel: 03-89225888

Dikeluarkan pada 15 Ogos 2019, 5.00 petang

16 Ogos 2019	Perbincangan Lynas dengan LPTA di ibu pejabat LPTA berhubung syarat tambahan yang dikenakan ke atas Lynas seperti mana siaran media pada 15 Ogos 2019
30 Ogos 2019	Perbincangan LPTA – Lynas - JAS di BMU rentetan mesyuarat pada 21 Ogos 2019 "Mesyuarat Perbincangan Mengenai Keperluan Perundangan Di Bawah Akta

Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) Dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)“ Bagi Pengurusan Sisa Syarikat Lynas Malaysia Sdn. Bhd.berkenaan kriteria PDF dan keperluan Lynas mengemukakan dokumen berkaitan bagi mematuhi syarat lesen terkini yang sah sehingga 2/3/2020, iaitu:

1. Surat kelulusan kerajaan negeri bagi tapak kemudahan pelupusan (PDF)
2. Dokumen perancangan pembinaan dan pelan pembiayaan PDF
3. Dokumen perancangan pembinaan dan pembiayaan Leaching & cracking
4. Bayaran cagaran tambahan 0.5% dari jualan kasar tahunan yang diperuntukkan untuk R&D sebelum ini

1 Okt 2019

Surat LPTA memaklumkan syarat bayaran cagaran tambahan oleh Lynas bagi tahun 2019 adalah sebanyak 0.5% adalah bermula 3/9 – 31/12/2019.



IBU PEJABAT LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI,
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil,
Selangor Darul Ehsan



ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD
MINISTRY OF ENERGY, SCIENCE, TECHNOLOGY,
ENVIRONMENT AND CLIMATE CHANGE
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil,
Selangor Darul Ehsan

Telefon : +60-3-8922 5888
Faks : +60-3-8922 3685
E-mel : kp@aeltb.gov.my
Web : http://www.aeltb.gov.my

Pengarah Urusan,
Lynas Malaysia Sdn. Bhd,
PT17212, Jalan Gebeng 3,
Kawasan Perindustrian Gebeng,
26080 Kuantan,
PAHANG.

LPTA(S):P&P/026/666.Jilid23(3)

1 Oktober 2019

(U/P: DATO' HJ. MASH'AL BIN AHMAD)

Y.Bhg Dato',

**BAYARAN 0.5 PERATUS (%) CAGARAN TAMBAHAN MENGIKUT SYARAT LESEN
No LPTA/A/1333**

Saya merujuk kepada lesen Lynas (Malaysia) Sdn Bhd (Lynas) No LPTA/A/1333 mengenai perkara tersebut di atas.

2. Sukacita sebagaimana pihak Y. Bhg Dato' sedia maklum, lesen Lynas terkini diperbaharui untuk tempoh enam (6) bulan berkuatkuasa mulai 3 September 2019 sehingga 2 Mac 2020 dengan syarat tambahan seperti berikut:

39. Syarat-syarat tambahan

39.1 Pemegang lesen hendaklah mengemukakan perancangan bagi pembinaan kemudahan (*facility*) "*Cracking and Leaching*" di luar negara bagi tujuan **pemindahan proses tersebut** yang kini dijalankan di lojinnya di Gebeng Kuantan, **keluar dari Malaysia**. Kemudahan "*Cracking and Leaching*" di luar negara hendaklah dibina dan mula beroperasi dalam tempoh 4 tahun dari tarikh sah lesen. Selepas kemudahan "*Cracking and Leaching*" mula beroperasi di luar negara, pemegang lesen **tidak lagi dibenarkan menghasilkan residu radioaktif** yang melebihi 1 Becquerel per gram di lojinnya di Gebeng, Kuantan.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : AK 5474

39.2 Pemegang Lesen hendaklah:-

- a. mengenalpasti tapak spesifik untuk pembinaan **Kemudahan Pelupusan Kekal (*Permanent Disposal Facility, PDF*)** dan hendaklah mengemukakan kebenaran secara bertulis daripada Kerajaan Negeri bagi penggunaan tapak tersebut sebagai PDF. Pemegang lesen juga hendaklah mengemukakan pelan perancangan pembinaan PDF yang lengkap serta pelan pembiayaan yang mencukupi bagi menampung keseluruhan pembinaan dan operasi PDF; atau
- b. mengemukakan kebenaran rasmi secara bertulis daripada pihak berkuasa mana-mana negara untuk membawa keluar residu *Water Leach Purification (WLP)* ke negara tersebut;

39.3 Lynas hendaklah menamatkan semua aktiviti penyelidikan dan pembangunan (*Research and Development, R&D*) berkaitan penggunaan semula residu radioaktif WLP sebagai **Condisoil** dalam bidang pertanian dan hendaklah mengemukakan 0.5 peratus (%) daripada jualan kasar setiap tahun yang ditetapkan untuk usaha R&D sebelum ini kepada Kerajaan Malaysia sebagai **Cagaran Tambahan** sehingga kemudahan "*Cracking and Leaching*" di luar negara mula beroperasi.


3. Sehubungan dengan itu bagi tahun 2019 ini, Lynas perlu membuat bayaran cagaran tambahan sebanyak 0.5 % daripada jualan kasar bagi tempoh 3 September sehingga 31 Disember 2019. Lynas dikehendaki membuat bayaran secara **tunai** kepada Kerajaan Malaysia melalui Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA).

4. Pihak Y.Bhg Dato' adalah diingatkan agar mematuhi semua peruntukan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304), peraturan-peraturan subsidiari yang dibuat di bawahnya serta arahan yang dikeluarkan oleh AELB dari semasa ke semasa. Kegagalan pihak Y. Bhg Dato' untuk berbuat demikian akan menyebabkan tindakan perundangan boleh diambil terhadap Lynas di bawah peruntukan Akta 304.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,


(HJ MOHD PAUZI BIN MOHD SOBARI)

Timbalan Ketua Pengarah,
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom,
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

Pautan Google Drive Dokumen Kronologi

1. Folder Keseluruhan Dokumen Kronologi

Pautan:

<https://drive.google.com/drive/folders/1sH4iaij6NQNIaNU3nO5l7WgxEgiW5WzE?usp=sharing>

QR Code:



2. Folder Kronologi Keputusan Lembaga

Pautan:

<https://drive.google.com/drive/folders/1klCK4iPXOE6exwb-zVmUWHarQuYr9IUI?usp=sharing>

QR Code:

